

Ulasan UPUU KPWKM dan UPUU JKM

1. Sila pastikan Surat Setuju Terima (SST) dikemaskinikan mengikut format terkini yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan diselaraskan mengikut peruntukan-peruntukan dalam templat Perjanjian ini.
2. Sila semak dan pastikan semua keperluan kewangan, teknikal dan lain-lain adalah dipenuhi oleh kementerian/agensi/jabatan.
3. Sila masukkan butiran muka surat dalam Senarai Isi Kandungan dan Senarai Jadual/Lampiran setelah semua pindaan diselaraskan dan sebelum Perjanjian ditandatangani.
4. Sila semak dan pastikan semua maklumat Kontraktor adalah tepat dan selaras dengan maklumat terkini di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).
5. Sebarang pengenaan denda bagi tujuan Perjanjian ini hendaklah berasaskan nilai perjanjian atau nilai penyewaan (mana-mana yang berkaitan) dan bukannya nilai perkakasan.
6. Sila lengkapkan semua jadual dan lampiran dengan maklumat dan dokumen yang lengkap dan tepat.
7. Perkara-perkara yang diserahkan dengan **warna kuning** sepanjang templat perjanjian ini hendaklah dipinda mengikut kesesuaian atau jika berkaitan. Contohnya, tetapi tidak terhad kepada–
 - (a) Tajuk/nama perjanjian;
 - (b) Jabatan/Agensi yang mewakili Kerajaan dan nama Kontraktor;
 - (c) Nombor pendaftaran kontraktor yang terkini menurut Akta Syarikat 2016;
 - (d) Klausu Bon Pelaksanaan (tidak perlu masukkan jika tidak berkaitan);
 - (e) Jadual serta Lampiran;
 - (f) Kadar atau formula denda/tolakan LAD.



**PERJANJIAN PEMBEKALAN PERAKASAN DAN/ATAU PERISIAR DI XXXX BAGI
TEMPOH (XX) BULAN**

ANTARA

**KERAJAAN MALAYSIA
(DIWAKILI OLEH XXXXXXXXX)**

DENGAN

**XXXXXXXXXX SDN. BHD./ xxxNAMA PEMILIK TUNGGAL ATAU PEKONGSI-
PEKONGSIXxx (NO.KP: XXX) yang menjalankan perniagaan atas nama
xxxENTERPRISExxx
(NO. PENDAFTARAN: XXXXX)**

SENARAI ISI KANDUNGAN

KLAUSA	PERKARA	MUKA SURAT
1	TAKRIF, TAFSIRAN DAN KESELURUHAN PERJANJIAN	
2	SKOP PEMBEKALAN	
3	REPRESENTASI DAN WARANTI KONTRAKTOR	
4	TEMPOH DAN PELANJUTAN PERJANJIAN	
5	NILAI PERJANJIAN	
6	PEMBAYARAN	
7	TOLAKAN	
8	JAMINAN KE ATAS PERKAKASAN DAN/ATAU PERISIAN	
9	BON PELAKSANAAN	
10	PENGUJIAN	
11	PENERIMAAN DOKUMENTASI	
12	LATIHAN DAN PROGRAM PEMINDAHAN TEKNOLOGI (<i>TRANSFER OF TECHNOLOGY – TOT</i>) DAN PERKEMBANGAN TEKNOLOGI	
13	PENGHANTARAN, PENERIMAAN DAN PEMASANGAN	
14	PEMERIKSAAN SEMASA PENERIMAAN PERKAKASAN DAN/ATAU PERISIAN	
15	PERSONEL	
16	OBLIGASI KONTRAKTOR	
17	TANGGUNGJAWAB AM PIHAK-PIHAK	
18	PERTUKARAN JENAMA	
19	HAK MILIK PERKAKASAN DAN/ATAU PERISIAN	
20	HAK KERAJAAN	
21	HAK KERAJAAN MENDAPATKAN PEMBEKALAN DARIPADA PUNCA LAIN	
22	PENAMATAN PERJANJIAN OLEH KERAJAAN	
23	PENAMATAN AWAL DENGAN NOTIS	
24	PENAMATAN PERJANJIAN OLEH KONTRAKTOR	

25	PENYELESAIAN PENUH DAN MUKTAMAD	
26	GANTI RUGI	
27	LARANGAN UNTUK TAWARAN ATAU BALASAN	
28	PENAMATAN ATAS SEBAB KEPENTINGAN NEGARA, KESELAMATAN NEGARA, DASAR KERAJAAN ATAU DASAR AWAM	
29	PENAMATAN DISEBABKAN RASUAH, AKTIVITI HARAM, AKTIVITI YANG MENYALAHI UNDANG-UNDANG ATAU TIPUAN BIDA	
30	HAK PIHAK-PIHAK DAN KESAN APABILA PERJANJIAN DITAMATKAN	
31	JAWATANKUASA PENYELESAIAN PERTIKAIAN	
32	TIMBANG TARA	
33	PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG	
34	PEMATUHAN UNDANG-UNDANG	
35	KEBOLEHASINGAN	
36	MAKLUMAT SULIT DAN HARTA INTELEK	
37	KERAHSIAAN	
38	KEJADIAN <i>FORCE MAJEURE</i>	
39	INSURANS	
40	INDEMNITI	
41	PENYERAHHAKAN ATAU NOVASI	
42	PEMAJAKAN ATAU KONTRAK KECIL	
43	IKATAN KE ATAS PENGGANTI	
44	PENEPIAN	
45	PINDAAN	
46	PERUBAHAN DAN MODIFIKASI PEMBEKALAN	
47	JAMINAN LANJUT	
48	NOTIS	
49	IKLAN	
50	KOS DAN DUTI SETEM	
51	MASA	

52	LAMPIRAN-LAMPIRAN	
	SENARAI JADUAL/ LAMPIRAN	

PERJANJIAN INI ditandatangani pada hari bulan tahun 20XX (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “**Perjanjian ini**”)

ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA yang diwakili oleh pihak yang dinyatakan dalam **Jadual A1** Perjanjian ini (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “**Kerajaan**”) bagi satu pihak

DENGAN

XXXX SDN. BHD. / xxxNAMA PEMILIK TUNGGAL ATAU PEKONGSI-PEKONGSIxxx (NO. K/P: XXX) yang menjalankan perniagaan atas nama xxxENTERPRISExxx (NO. PENDAFTARAN : XXXX) yang dinyatakan dalam **Jadual A2** Perjanjian ini (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “**Kontraktor**”) bagi pihak yang satu lagi.

Dalam Perjanjian ini, di mana bersesuaian, Kerajaan dan Kontraktor kemudian daripada ini boleh disebut secara perseorangan sebagai “**Pihak**” dan secara kolektif sebagai “**Pihak-Pihak**”.

BAHAWASANYA—

Berdasarkan Surat Setuju Terima yang dilampirkan sebagai **Lampiran A** Perjanjian ini, Kerajaan berhasrat untuk melantik Kontraktor bagi melaksanakan **Pembekalan Perkakasan dan/atau Perisian di xxxx bagi Tempoh xxxx (xx) Bulan** (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “**Pembekalan**”) dan Kontraktor telah bersetuju untuk melaksanakan Pembekalan kepada Kerajaan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini.

PIHAK-PIHAK TELAH BERSETUJU seperti berikut:

1. TAKRIF, TAFSIRAN DAN KESELURUHAN PERJANJIAN

1.1 Takrif

Dalam Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain, perkataan-perkataan di bawah ini akan membawa maksud berikut:

“Dokumentasi” bermaksud dokumen yang hendaklah disediakan dan dilengkapkan oleh pihak Kontraktor di bawah Perjanjian ini seperti yang berikut:

- (a) bagi maksud **Perkakasan dan/atau Perisian**: manual **Perkakasan dan/atau Perisian** dan dokumen dan material lain yang berkaitan;
- (b) bagi maksud Pembekalan: Sijil Akuan Penerimaan, Sijil Akuan Penerimaan Akhir, laporan penyelenggaraan/khidmat sokongan teknikal, manual operasi, spesifikasi teknikal dan dokumen dan material lain yang berkaitan; dan
- (c) dokumen lain: manual latihan pengguna akhir dan *Transfer of Technology (TOT)*, manual latihan teknikal dan dokumen dan material lain yang berkaitan;

“Keluaran Baharu” bermaksud **Perkakasan dan/atau Perisian** yang baharu dikeluarkan dan bukan terpakai;

“Keluaran Semasa”	bermaksud Perkakasan dan/atau Perisian yang baru dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan daripada tarikh pembuatan;
“Keluaran Tulen”	bermaksud bukan Perkakasan dan/atau Perisian tiruan;
“Kerajaan”	bermaksud Kerajaan Malaysia yang bagi tujuan ini diwakili oleh pihak yang dinyatakan dalam Jadual A1 Perjanjian ini atau mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri menurut Akta Kontrak Kerajaan 1949 [<i>Akta 120</i>] untuk mentadbir Perjanjian ini;
“Komponen”	bermaksud apa-apa bahagian perkakasan (hardware), Perisian, pangkalan data, peralatan (equipment), rangkaian, pengehosan (hosting) secara fizikal atau bukan fizikal.
“Kontraktor”	bermaksud pihak yang dinyatakan dalam Jadual A2 Perjanjian ini dan termasuk wakilnya yang diberi kuasa, waris, pentadbir, ejen, penerima serah hak, pegawai, kakitangan, pekhidmat, subKontraktor dan pekerja;
“Lokasi Pembekalan”	bermaksud tempat di mana Pembekalan dilaksanakan seperti yang dinyatakan dalam Jadual F Perjanjian ini atau mana-mana lokasi yang diarahkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa;
“Maklumat Sulit”	bermaksud segala maklumat, sama ada teknikal dan bukan teknikal yang tidak hanya terhad kepada penyiaran multimedia yang terdiri dari data, video, dan suara yang dibekalkan oleh sesuatu Pihak kepada Pihak yang satu

	lagi bagi tujuan Perjanjian ini dan juga segala maklumat yang terbit dari situ selagi dan setakat Kontraktor yang mana pengetahuan atau maklumat tersebut yang pada ketika ianya didedahkan belum menjadi urusan awam;
“Pasukan Projek”	bermaksud pasukan yang dirujuk dalam Lampiran H Perjanjian ini;
“Pegawai Teknikal Kerajaan”	bermaksud kakitangan teknikal Kerajaan yang menjalankan pengurusan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT);
“Pekerja”	bermaksud Personel atau mana-mana orang yang diambil bekerja oleh Kontraktor atau bagi pihak Kontraktor secara tetap, sementara atau untuk melaksanakan Pembekalan di Lokasi Pembekalan;
“Personel”	bermaksud profesional yang berkaitan dengan Pembekalan;
“Pengguna”	bermaksud orang/pegawai/kakitangan yang diberi akses untuk menggunakan Perkakasan dan/atau Perisian ;
“Perisian”	bermaksud apa-apa perisian yang dipasang pada Perkakasan oleh Kontraktor seperti yang dinyatakan dalam Lampiran C Perjanjian ini;
“Perkakasan”	bermaksud perkakasan ICT yang mempunyai spesifikasi teknikal seperti yang dinyatakan dalam Lampiran C Perjanjian ini;

“Sijil Akuan Penerimaan”	bermaksud sijil yang ditandatangani oleh Kerajaan sebagai pengesahan bahawa Perkakasan dan/atau Perisian diterima dalam keadaan baik dan memenuhi spesifikasi teknikal yang ditentukan;
“Sijil Akuan Penerimaan Akhir”	bermaksud sijil yang akan dikeluarkan oleh Kerajaan kepada Kontraktor yang menyatakan bahawa Perkakasan dan/atau Perisian telah diterima oleh Kerajaan setelah Kerajaan berpuas hati dengan ujian penerimaan akhir yang dilaksanakan oleh Kontraktor;
“Ujian Penerimaan Pengguna/ User Acceptance Test”	bermaksud ujitauliah Perkakasan dan/atau Perisian selepas Pembekalan selesai;
“Ujian Penerimaan Akhir”/ “Final Acceptance Test”	bermaksud ujitauliah akhir Perkakasan dan/atau Perisian dengan sempurna tanpa sebarang ralat (<i>error</i>) atau pepijat (<i>bugs</i>) ;
“Waktu Bekerja”	bermaksud waktu pejabat Kerajaan iaitu:
	(a) mulai 7.30 pagi hingga 6.00 petang pada hari Isnin hingga Jumaat; dan
	(b) bagi negeri yang hari minggunya jatuh pada hari Jumaat dan Sabtu, waktu pejabat ialah mulai 7.30 pagi hingga 5.30 petang dari hari Ahad hingga Rabu dan 7.30 pagi hingga 4.30 petang pada hari Khamis, tidak termasuk cuti mingguan dan cuti umum.

1.2 Tafsiran

- (a) Apa-apa jadual, lampiran, apendiks, dokumen, gambar, rajah, carta, graf, nota atau penerangan yang dirujuk dalam Perjanjian ini dan apa-apa pindaan, perubahan, penambahan atau modifikasi bertulis padanya hendaklah ditafsirkan dan dibaca sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini;
- (b) Rujukan kepada Klausu atau Fasal hendaklah bermaksud rujukan kepada Klausu-Klausu atau Fasal-Fasal dalam Perjanjian ini;
- (c) Semua rujukan terhadap peruntukan-peruntukan dalam apa-apa akta, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, enakmen, ordinan, perintah, Arahan Keselamatan Kerajaan, Arahan dan Surat Pekeliling Pembekalan, Arahan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan dan lain-lain arahan Kerajaan hendaklah termasuk peruntukan yang dipinda, dipotong, digantikan, diubah, dicetak semula atau digubal semula;
- (d) Penyataan “Perjanjian”, “Kontrak” atau penyataan lain yang sama hendaklah mengandungi klausu yang terkandung dalam Perjanjian ini dan termasuk apa-apa pindaan, perubahan, penambahan atau modifikasi dan perjanjian tambahan secara bertulis padanya;
- (e) Perkataan “termasuk” hendaklah memberikan makna atau tafsiran apa-apa perkara lain berkenaan dengan Perjanjian atau Pembekalan selain daripada perkara-perkara yang dinyatakan selepas perkataan itu dan perkara-perkara yang dinyatakan selepas perkataan itu adalah antara atau sebahagian dari contoh-contoh mengikut mana yang berkenaan;
- (f) Perkataan “undang-undang” ertinya mana-mana undang-undang bertulis semasa yang sedang berkuat kuasa termasuk Perlembagaan Persekutuan dan apa-apa dekri, penghakiman, akta, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, enakmen, ordinan, perintah, Arahan Keselamatan Kerajaan,

Arahan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan dan lain-lain arahan Kerajaan yang dipinda dari semasa ke semasa;

- (g) Semua rujukan terhadap hari, bulan atau tahun hendaklah termasuk hari dan waktu bekerja biasa Kerajaan, hari Sabtu dan Ahad dan hari kelepasan am negeri-negeri yang berkenaan melainkan dinyatakan sebaliknya atau sebagaimana yang dipersetujui secara bertulis oleh Kerajaan;
- (h) Perkataan "secara bertulis" ertinya suatu arahan suratan dalam bentuk bertulis yang diberikan, dikemukakan atau diserahkan secara rasmi antara Pihak-Pihak;
- (i) Tajuk kepada mana-mana Klausu atau Fasal dalam Perjanjian ini adalah sebagai rujukan dan kemudahan sahaja dan tidak memberikan apa-apa kesan kepada tafsiran dan pengertian Klausu atau Fasal tersebut; dan
- (j) Apa-apa istilah teknikal yang tidak ditakrifkan dalam Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut penggunaan atau takrif yang biasa digunakan dalam industri atau profesi yang berkenaan.

1.3 Keseluruhan Perjanjian

- (a) Perjanjian ini mengandungi keseluruhan persetujuan dan persefahaman antara Pihak-Pihak berkenaan dengan Pembekalan dan mengatasi serta membatalkan keseluruhan mana-mana perjanjian, kontrak, representasi, persetujuan, surat rundingan, persefahaman, syarat-syarat dan terma-terma terdahulu sebelum Perjanjian ini berkuat kuasa sama ada secara langsung atau tidak langsung antara Pihak-Pihak terhadap atau berkaitan dengan Pembekalan atau perkara-perkara yang melibatkan Pembekalan dalam Perjanjian ini.

- (b) Jika terdapat apa-apa percanggahan antara terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini dengan Surat Setuju Terima yang dilampirkan sebagai **Lampiran A** Perjanjian ini, terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini hendaklah mengatasi setakat mana percanggahan itu.

1.4 Notis, Keizinan, Kelulusan, dsb.

Di mana jua dalam Perjanjian ini peruntukan dibuat bagi pemberian atau pengeluaran apa-apa notis, keizinan, kelulusan, perakuan atau penentuan oleh mana-mana orang, melainkan jika dinyatakan selainnya, notis, keizinan, kelulusan, perakuan atau penentuan itu hendaklah secara bertulis dan perkataan “memberitahu”, “mengizinkan”, “meluluskan”, “memperakui” dan “menentukan” hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

2. SKOP PEMBEKALAN

- 2.1 Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perjanjian ini dan arahan Kerajaan dari semasa ke semasa mengenai Pembekalan sepanjang Tempoh Perjanjian yang dinyatakan dalam subklausa 4.1 Perjanjian ini, Kontraktor hendaklah melaksanakan Pembekalan mengikut Skop Pembekalan seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran B** Perjanjian ini termasuklah—
- (a) mengkonfigurasi, menguji, menyelenggara dan mentauliah **Perkakasan dan/atau Perisian** kepada Kerajaan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam **Lampiran C** Perjanjian ini;
- (b) memaklumkan perkembangan terkini kepada Kerajaan mengenai teknologi terkini dari semasa ke semasa melalui e-mel, dokumen, sesi teknologi terkini atau lain-lain;

- (c) semua **Perkakasan dan/atau Perisian** yang digantikan oleh Kontraktor hendaklah terdiri daripada Keluaran Baharu, Keluaran Tulen dan Keluaran Semasa dan belum pernah digunakan kecuali bagi maksud ujian mutu; dan
 - (d) apa-apa perkara bersangkutan dengan, berkenaan dengan atau susulan kepada, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada perkara yang dinyatakan dalam subklaus (a), (b) dan (c) di atas.
- 2.2 Sebarang permintaan pembekalan tambahan daripada Kerajaan di luar daripada skop yang dinyatakan di subklaus 2.1 hendaklah dipersetujui secara bertulis oleh Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini dan tertakluk kepada persetujuan kadar harga oleh Pihak-Pihak dengan penambahan pembekalan tersebut.

3. REPRESENTASI DAN WARANTI KONTRAKTOR

- 3.1 Kontraktor membuat representasi dan waranti kepada Kerajaan bahawa—
- (a) ia adalah sebuah **syarikat/perniagaan** yang sah wujud di bawah undang-undang Malaysia;
 - (b) ia mempunyai kuasa korporat untuk memasuki dan melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini dan untuk menjalankan segala transaksi dan perniagaannya sebagaimana diperuntukkan di bawah Perjanjian ini;
 - (c) ia telah mengambil segala langkah korporat yang perlu bagi pemberian kuasa untuk memasuki dan melaksanakan Perjanjian ini dan untuk menjalankan segala transaksi sebagaimana diperuntukkan di bawah Perjanjian ini;

- (d) pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani, tiada apa-apa pelaksanaan atau transaksi di bawah Perjanjian ini yang melanggar mana-mana peruntukan yang berkaitan dengan—
 - (i) Memorandum dan Artikel Persatuan atau Perlembagaan syarikat (yang mana terpakai); atau
 - (ii) apa-apa dokumen atau Perjanjian yang mengikat Kontraktor atau asetnya;
- (e) tiada sebarang litigasi, timbang tara, tuntutan cukai, pertikaian atau prosiding pentadbiran yang sedang atau masih tertangguh atau yang pada pengetahuannya akan memberi kesan negatif terhadap keupayaan kewangan atau tanggungjawabnya yang lain di bawah Perjanjian ini;
- (f) Perjanjian ini merupakan obligasi yang sah dan mengikat Kontraktor dan boleh dikuatkuasakan mengikut terma dan syaratnya;
- (g) ia mempunyai keupayaan kewangan dan teknikal untuk melaksanakan Pembekalan;
- (h) ia adalah sebuah **syarikat/perniagaan** yang berdaftar pada setiap masa dengan Kementerian Kewangan melainkan diberikan pengecualian secara bertulis oleh Kerajaan; dan
- (i) tiada sebarang perbuatan rasuah, aktiviti haram atau menyalahi undang-undang atau tipuan bida telah digunakan untuk mendapatkan hak untuk melaksanakan Perjanjian ini dan Kontraktor mengambil maklum bahawa Kerajaan telah memasuki Perjanjian ini berdasarkan kepada representasi dan waranti Kontraktor seperti dinyatakan di atas.

3.2 Waranti terhadap Pembekalan

3.2.1 Tempoh waranti bagi **Perkakasan dan/atau Perisian** adalah seperti yang berikut:

- (a) **Perkakasan : xx (xx) bulan selepas Sijil Ujian Penerimaan Akhir dikeluarkan; dan/atau**
- (b) **Perisian : xx (xx) bulan selepas Sijil Akuan Penerimaan Akhir dikeluarkan.**

3.3 Sebagai tambahan kepada apa-apa waranti lain yang diberikan oleh Kontraktor di bawah Perjanjian ini, Kontraktor memberi jaminan bahawa—

- (a) dalam kawalan munasabahnya, ia tidak mengetahui apa-apa kemungkinan yang akan menjaskannya keupayaannya untuk melaksanakan tanggungjawab di bawah Perjanjian ini dan ia mempunyai kemahiran dan kepakaran untuk melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini;
- (b) reka bentuk, pembekalan, penghantaran, penyesuaian (*customisation*), migrasi, pemasangan, konfigurasi, ujian, petaulahan **Perkakasan dan/atau Perisian** dan mana-mana bahagian daripadanya tidak akan melanggar mana-mana undang-undang dalam mana-mana negara;
- (c) ia mempunyai hak ke atas Perisian pihak ketiga atau mana-mana perisian gantian atau perisian tambahan lain yang dipersetujui oleh Kerajaan;
- (d) setiap elemen Perisian hendaklah secara keseluruhannya sesuai dengan semua elemen Perisian yang lain dan hendaklah berfungsi dan beroperasi dengan baik semasa digabungkan atau disatukan sebagai suatu sistem yang bersepadu;

- (e) Perkakasan dan/atau Perisian hendaklah secara keseluruhannya sesuai dengan Pembekalan dan mana-mana infrastruktur rangkaian telekomunikasi dan pengkomputeran yang digunakan oleh Kerajaan dan akan berfungsi dan beroperasi dengan baik melalui gabungan atau secara bersama-sama dengan satu sama lain;
 - (f) Perisian hendaklah boleh digunakan kepada Perkakasan;
 - (g) pemasangan Perkakasan dan/atau Perisian hendaklah bebas daripada kecacatan dalam mutu kerja (*workmanship*);
 - (h) Perkakasan dan/atau Perisian hendaklah bebas daripada ancaman virus atau ancaman siber dan kelemahan kelompongan (*vulnerabilities loopholes*) termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa kod atau arahan yang boleh digunakan untuk mengakses, mengubah suai, memadam atau merosakkan mana-mana data fail atau program komputer lain yang digunakan oleh Kerajaan;
 - (i) Kontraktor hendaklah menanggung sepenuhnya kos dan perbelanjaan bagi lesen perisian pihak ketiga sepanjang Tempoh Perjanjian; dan
 - (j) sebarang spesifikasi, reka bentuk atau arahan yang diberikan oleh Kontraktor kepada Kerajaan tidak akan melanggar mana-mana hak cipta, rahsia dagangan, paten, tanda dagangan dan Hak Harta Intelek lain mana-mana pihak ketiga.
- 3.3 Kontraktor selanjutnya membuat representasi dan waranti kepada Kerajaan bahawa representasi dan waranti yang dinyatakan dalam subklaus 3.1 dan 3.2 di atas hendaklah kekal benar dan tepat dalam semua aspek material sepanjang Tempoh Perjanjian melainkan subklaus 3.1(e).

4. TEMPOH DAN PELANJUTAN PERJANJIAN

- 4.1 Perjanjian ini adalah bagi tempoh yang dinyatakan dalam **Butiran 1 Jadual B** Perjanjian ini (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “**Tempoh Perjanjian**”) dan walau apa pun dalam Perjanjian ini hendaklah dianggap telah mula berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam **Butiran 2 Jadual B** Perjanjian ini (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “**Tarikh Berkuat Kuasa**”) hingga tarikh yang dinyatakan dalam **Butiran 3 Jadual B** Perjanjian ini (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “**Tarikh Tamat Perjanjian**”).
- 4.2 Tanpa mengambil kira tarikh Perjanjian ini ditandatangani, Kontraktor boleh memohon untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian dengan mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Kerajaan dalam tempoh tidak kurang daripada **sembilan puluh (90) hari** sebelum Tarikh Tamat Perjanjian tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak.
- 4.3 Jika permohonan pelanjutan Tempoh Perjanjian dipertimbangkan dan dipersetujui oleh Kerajaan, Kontraktor hendaklah dengan segera tanpa apa-apa kelewatan atau dalam tempoh yang dinyatakan secara bertulis oleh Kerajaan, selepas menerima pertimbangan dan keputusan daripada Kerajaan, berunding mengenai terma-terma dan syarat-syarat pelanjutan tempoh tersebut. Setelah berunding, suatu perjanjian tambahan hendaklah ditandatangani oleh Pihak-Pihak. Jika Pihak-Pihak gagal mencapai persetujuan, Perjanjian ini hendaklah tamat pada Tarikh Tamat Perjanjian.
- 4.4 Pada Tarikh Tamat Perjanjian—
 - (a) semua kuasa, obligasi dan hak yang diberikan kepada Kontraktor dan wujud di bawah Perjanjian ini hendaklah tamat dengan serta merta;

(b) Kontraktor—

- (i) hendaklah serta merta menghentikan Pembekalan;
- (ii) hendaklah meninggalkan Lokasi Pembekalan dan mengalihkan mana-mana peralatan atau bahan kepunyaan Kontraktor dan Pekerja atau ejennya dan membaiki apa-apa kerosakan akibat pengalihan itu pada kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kontraktor;
- (iii) hendaklah mengemukakan kepada Kerajaan laporan terperinci berhubung dengan bayaran Pembekalan dan lain-lain pembayaran yang tertunggak daripada Kerajaan (sekiranya ada) setakat pada Tarikh Tamat Perjanjian untuk tujuan kelulusan dan pengesahan daripada Kerajaan;
- (iv) tidak mempunyai apa-apa hak dan tidak akan membuat apa-apa tuntutan berhubung dengan apa-apa kos, perbelanjaan, atau kerugian termasuk kerugian keuntungan (*loss of profit*), kerosakan atau pampasan; dan
- (v) akan menanggung semua liabiliti, tanggungjawab, obligasi, tuntutan, apa juu guaman atau prosiding yang sedia ada sebelum dan/atau pada Tarikh Tamat Perjanjian yang berbangkit daripada atau yang berhubungan dengan apa-apa tindakan atau kemungkiran, kegagalan atau pengabaian daripada Pekerja, agen atau Kontraktor, berkaitan dengan Pembekalan dan Kerajaan tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa liabiliti, tanggungjawab, tuntutan, guaman atau prosiding.

- (c) Kerajaan hendaklah, tertakluk kepada apa-apa tolakan yang dibenarkan di bawah Klausa 7 Perjanjian ini, membayar kepada Kontraktor apa-apa bayaran yang perlu dibayar dan terakru di bawah Perjanjian ini setakat pada Tarikh Tamat Perjanjian.
- 4.5 Pihak-Pihak dengan ini bersetuju apabila Perjanjian ini tamat pada Tarikh Tamat Perjanjian, Kontraktor tidak berhak untuk menerima sebarang ganti rugi bagi apa jua bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya, selain daripada yang diperuntukkan mengikut subklausa 4.4(b)(iii) Perjanjian ini. Pihak-Pihak selanjutnya bersetuju bahawa bayaran yang dibuat oleh Kerajaan di bawah subklausa 4.4(c) Perjanjian ini adalah terjumlah kepada satu penyelesaian penuh dan muktamad antara Pihak-Pihak.

5. NILAI PERJANJIAN

- 5.1 Tertakluk kepada Kontraktor memenuhi terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini, Kerajaan hendaklah—
- (a) sebagai balasan kepada Pembekalan yang dilaksanakan oleh Kontraktor, membayar Nilai Perjanjian yang dinyatakan dalam **Jadual C1** Perjanjian ini; dan
- (b) membuat pembayaran berdasarkan berdasarkan **Jadual Harga** sebagaimana dalam **Jadual C2** dan **Jadual Perincian Pembayaran** sebagaimana dalam **Jadual C3** Perjanjian ini kepada Kontraktor mengikut Klausa 6 Perjanjian ini.
- 5.2 Nilai Perjanjian hendaklah, melainkan diperuntukkan sebaliknya secara khusus, termasuk semua duti dan cukai perkhidmatan menurut Akta Cukai Perkhidmatan

2018 [Akta 807] dan apa-apa caj dan kos lain yang berkaitan dan bersampingan dengan Pembekalan yang dilaksanakan oleh Kontraktor.

- 5.3 Nilai Perjanjian yang dinyatakan dalam subklaus 5.1 adalah tetap dan tiada apa-apa kenaikan atau perubahan harga Pembekalan boleh dibuat oleh Kontraktor kecuali jika telah dipersetujui secara bertulis oleh Kerajaan melalui suatu perjanjian tambahan yang hendaklah ditandatangani oleh Pihak-Pihak.

6. PEMBAYARAN

- 6.1 Pembayaran Nilai Perjanjian hendaklah mengikut **Jadual C2** dan **Jadual C3**. Perjanjian ini dibuat dalam Ringgit kepada Kontraktor melalui Akaun Bank Kontraktor seperti yang dinyatakan dalam **Jadual D** Perjanjian ini.
- 6.2 Tertakluk kepada subklaus 6.1 Kerajaan hendaklah membuat bayaran kepada Kontraktor dalam tempoh **empat belas (14) hari** atau dalam apa-apa tempoh masa yang munasabah yang difikirkan sesuai oleh Kerajaan selepas tarikh penerimaan Pembekalan dan invois atau dokumen lain yang berkaitan dan lengkap sebagaimana yang diperlukan oleh Kerajaan.
- 6.3 Pembayaran Nilai Perjanjian oleh Kerajaan kepada Kontraktor tidak mengecualikan Kontraktor terhadap mana-mana terma dan syarat dalam Perjanjian ini.
- 6.4 Sebarang isu yang timbul antara Kontraktor dengan mana-mana pihak ketiga termasuk yang melibatkan pembayaran dalam Perjanjian ini adalah di luar tanggungjawab Kerajaan.
- 6.5 Walau apa pun yang dinyatakan dalam Klaus 7 Perjanjian ini, tanpa menjelaskan hak-hak lain Kerajaan dalam Perjanjian ini, Kerajaan sentiasa berhak untuk membuat tolakan seperti yang dinyatakan dalam Klaus 7 Perjanjian ini.

6.6 Tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan, Surat Pekeliling Perbendaharaan atau Surat Edaran Kementerian Kewangan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dari semasa ke semasa, kadar fi perkhidmatan sebanyak—

- (a) kosong perpuluhan empat peratus (0.4%) bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM4,800 bagi setiap transaksi bayaran yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran; atau
- (b) kosong perpuluhan lapan peratus (0.8%) bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi perolehan atau kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-off payment*)

mengikut mana yang berkenaan, dikenakan daripada Nilai Perjanjian dan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Kontraktor melalui pemotongan, tolakan atau pengurangan kepada Nilai Perjanjian.

6.7 Penahanan Pembayaran

- (a) Kerajaan boleh, dengan memberikan notis bertulis kepada Kontraktor dan tanpa memprejudiskan mana-mana hak lain Kerajaan di bawah Perjanjian ini, menahan pembayaran kepada Kontraktor di bawah Perjanjian ini sekiranya terjadi mana-mana keadaan berikut:
 - (i) Kontraktor melakukan apa-apa kemungkinan terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini; atau

- (ii) tahap kemajuan Pembekalan yang diberikan gagal untuk mencapai agregat pembayaran yang telah dibuat; atau
 - (iii) lain-lain keadaan yang timbul, dalam budi bicara Kerajaan, yang boleh mengganggu atau mengancam untuk campur tangan terhadap kejayaan pelaksanaan Pembekalan.
- (b) Setelah menerima notis bertulis, Kontraktor hendaklah membetulkan semua kesalahan dan kekurangan dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam notis.
- (c) Setelah pembetulan kesalahan dibuat sehingga mencapai tahap yang diluluskan oleh Kerajaan, Kerajaan perlu melepaskan sebarang pembayaran bagi pembayaran yang ditahan.

7. TOLAKAN

- 7.1 Kerajaan berhak memotong apa-apa wang yang kena dibayar kepada Kontraktor mengikut peruntukan dalam Perjanjian ini daripada apa-apa wang yang Kontraktor terhutang kepada Kerajaan. Jika wang yang Kontraktor terhutang kepada Kerajaan tidak mencukupi bagi menampung tuntutan Kerajaan, Kerajaan boleh menuntut baki wang tersebut daripada Kontraktor secara bertulis dan Kontraktor hendaklah membuat pembayaran selewat-lewatnya **tiga puluh (30)** **hari** selepas notis tuntutan bertulis itu.
- 7.2 Sekiranya Kontraktor gagal membuat pembayaran selepas tamat tempoh seperti yang dinyatakan dalam subklaus 7.1 di atas atau apa-apa tempoh lain yang dipersetujui oleh Kerajaan maka, Kerajaan boleh mengambil apa-apa tindakan undang-undang pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu kepada Kontraktor.

8. JAMINAN KE ATAS PERKAKASAN DAN/ATAU PERISIAN

- 8.1 Kontraktor menjamin bahawa **Perkakasan dan/atau Perisian** serta hasil kerja yang dibekalkan oleh Kontraktor adalah bebas daripada bahan atau tenaga kerja bermutu rendah dan ianya menepati Skop Pembekalan seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran B** Perjanjian ini dan spesifikasi yang ditetapkan dalam **Lampiran C** Perjanjian ini untuk apa-apa tempoh yang dipersetujui oleh Pihak-pihak tetapi **tidak kurang daripada xxx (xx) bulan** dari tarikh Sijil Akuan Penerimaan Akhir dikeluarkan (selepas ini dirujuk sebagai “**Tempoh Jaminan**”).
- 8.2 Dalam Tempoh Jaminan ini, jika berlaku kecacatan atau kerosakan terhadap **Perkakasan dan/atau Perisian** yang berpunca daripada kecacatan atau kerosakan pengilangan, Kontraktor hendaklah dengan kosnya sendiri membaiki atau jika difikirkan perlu menggantikan **Perkakasan dan/atau Perisian** yang cacat atau rosak itu tanpa mengenakan apa-apa kos tambahan kepada Kerajaan.
- 8.3 Jaminan ini tidak akan diberikan sekiranya Kerajaan mengubahsuai hasil kerja Pembekalan dan menggunakan dengan apa cara yang lain, kecuali Kerajaan berjaya membuktikan bahawa kerosakan itu tidak lain disebabkan oleh pengubahsuaian atau penggunaan cara lain tersebut.
- 8.4 Walau apa pun yang dinyatakan dalam Klausu ini, jaminan ini tidak akan menjaskan hak Kerajaan untuk mengguna pakai apa-apa hak atau remedii lain yang diperuntukkan di bawah undang-undang.

9. BON PELAKSANAAN

- 9.1 Pembekalan adalah tertakluk kepada Bon Pelaksanaan, jika—

- (a) Nilai Perjanjian melebihi Ringgit Dua Ratus Ribu (RM200,000.00) dan kurang daripada Ringgit Lima Ratus Ribu (RM500,000.00) bagi perjanjian

yang berkuat kuasa sehingga tempoh dua belas (12) bulan atau kurang, Kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan yang nilainya adalah dua perpuluhan lima peratus (2.5%) daripada Nilai Perjanjian; atau

- (b) Nilai Perjanjian melebihi Ringgit Lima Ratus Ribu (RM500,000.00) bagi perjanjian yang berkuat kuasa sehingga tempoh dua belas (12) bulan atau kurang, Kontraktor hendaklah mengemukakan bersama-sama dengan Surat Setuju Terima, Bon Pelaksanaan yang nilainya adalah lima peratus (5%) daripada Nilai Perjanjian; atau
- (c) Pembekalan adalah secara kontrak bermasa (*periodic contract*) yang berkuat kuasa dalam tempoh dua puluh empat (24) bulan atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan dalam Klausus ini hendaklah dikira mengikut anggaran Nilai Perjanjian setahun sahaja. Walau bagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.

9.2 Bon Pelaksanaan mengikut mana yang berkenaan, seperti yang dinyatakan dalam subklausus 9.1 dan **Jadual E** Perjanjian ini hendaklah dikemukakan dalam Ringgit (RM) dari bank atau institusi kewangan Kontraktor dalam bentuk Jaminan Bank atau Kontrak Kewangan yang diluluskan oleh Kerajaan dan yang tidak boleh batal dengan nilai dan peratusan daripada Nilai Perjanjian dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh Surat Setuju Terima yang dilampirkan sebagai **Lampiran A** Perjanjian ini atau dalam apa-apa tempoh yang dipersetujui secara bertulis oleh Kerajaan sebagai jaminan bahawa Kontraktor tidak akan melanggar dan akan mematuhi mana-mana terma dan syarat Perjanjian ini.

9.3 Selain remedii yang diberikan kepada Kerajaan dalam Perjanjian ini, **Kerajaan berhak mengambil atau merampas keseluruhan atau sebahagian jumlah wang dalam Bon Pelaksanaan** yang dinyatakan dalam subklausus 9.1 bagi apa-apa pelanggaran terma dan syarat dalam Perjanjian ini dan/atau jika Perjanjian ini

ditamatkan sebelum Tarikh Tamat Perjanjian tanpa menyentuh apa-apa hak lain Kerajaan dalam Perjanjian ini.

9.4 Walau apa pun yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima yang dilampirkan sebagai **Lampiran A** Perjanjian ini, Nilai Bon Pelaksanaan tersebut **hendaklah sentiasa tetap** seperti nilai yang dinyatakan dalam subklausu 9.1 dan **Jadual E** Perjanjian ini dan **hendaklah berkuat kuasa selama dua belas (12) bulan** selepas Tarikh Tamat Perjanjian atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia.

9.5 Jika jumlah wang dalam Bon Pelaksanaan—

(a) diambil atau dirampas secara keseluruhannya, Kontraktor hendaklah menggantikan Bon Pelaksanaan itu dengan Bon Pelaksanaan baru sebagai gantian kepada keseluruhan jumlah wang dalam Bon Pelaksanaan yang diambil atau dirampas mengikut subklausu 9.3; atau

(b) diambil atau dirampas sebahagian daripadanya, Kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan baru sebagai gantian kepada bahagian jumlah wang dalam Bon Pelaksanaan yang diambil atau dirampas mengikut subklausu 9.3.

9.6 Polisi Bon Pelaksanaan hendaklah dilampirkan bersama-sama dengan Perjanjian ini sebagai **Lampiran E** Perjanjian ini dan akan dikembalikan kepada Kontraktor selepas tempoh yang dinyatakan dalam subklausu 9.4 dan tertakluk kepada apa-apa pindaan, pengubahsuaian, pengurangan atau potongan yang boleh dibuat oleh Kerajaan mengikut syarat-syarat dan terma-terma dalam Perjanjian ini berhubung dengan apa-apa pelanggaran terma-terma atau syarat-syarat yang dilakukan oleh Kontraktor.

10. PENGUJIAN

10.1 Kontraktor hendaklah menjalankan kerja konfigurasi dan pengujian ke atas **Perkakasan dan/atau Perisian** mengikut Jadual Pelaksanaan dalam **Lampiran D** Perjanjian ini.

10.2 Personel pengujian Kontraktor

Kontraktor hendaklah memastikan bilangan personelnya adalah mencukupi serta bersedia pada setiap masa untuk melaksanakan Ujian Penerimaan Pengguna dan Ujian Akuan Penerimaan Akhir.

10.3 Ujian Penerimaan Pengguna

10.3.1 Ujian Penerimaan Pengguna ke atas **Perkakasan dan/atau Perisian** hendaklah dijalankan oleh Pihak-Pihak. Tarikh dan masa untuk menjalankan Ujian Penerimaan Pengguna hendaklah dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dalam Jadual Pelaksanaan pada **Lampiran D** Perjanjian ini.

10.3.2 Perkara yang berikut hendaklah diterima pakai semasa Ujian Penerimaan Pengguna:

- (a) Ujian Penerimaan Pengguna ditetapkan seperti di **Lampiran D** Perjanjian ini yang mengandungi perincian ujian-ujian yang perlu dilaksanakan termasuklah tempoh masa dan cara bagaimana ujian tersebut dilaksanakan;
- (b) Ujian Penerimaan Pengguna bertujuan untuk memastikan bahawa Kontraktor mematuhi semua spesifikasi **Perkakasan dan/atau Perisian** seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran C** Perjanjian ini;

- (c) setelah Kerajaan diberitahu oleh Kontraktor bahawa Ujian Penerimaan Pengguna telah sedia untuk dilaksanakan ke atas **Perkakasan dan/atau Perisian**, Kerajaan hendaklah melakukan segala usaha yang perlu untuk memastikan Ujian Penerimaan Pengguna dapat dimulakan bagi membolehkan Ujian Penerimaan Pengguna diselesaikan sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Ujian Penerimaan Akhir;
- (d) jika pada bila-bila masa dalam tempoh Ujian Penerimaan Pengguna, mana-mana bahagian **Perkakasan dan/atau Perisian** didapati tidak mematuhi spesifikasi seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran C** Perjanjian ini, Kerajaan hendaklah memberitahu Kontraktor secara bertulis mengenai perkara itu dan Kontraktor hendaklah, tanpa apa-apa kos dan perbelanjaan kepada Kerajaan menggantikan mana-mana bahagian **Perkakasan dan/atau Perisian** itu dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh notis atau tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dipersetujui oleh Kerajaan. Kerajaan hendaklah, setelah penggantian itu mengulangi Ujian Penerimaan Pengguna;
- (e) jika terdapat apa-apa cadangan penambahbaikan yang perlu hasil Ujian Penerimaan Pengguna, Kontraktor hendaklah melakukan penambahbaikan yang perlu itu kepada **Perkakasan dan/atau Perisian** bagi memastikan **Perkakasan dan/atau Perisian** berjalan dengan lancar tanpa apa-apa kos dan perbelanjaan tambahan kepada Kerajaan;
- (f) jika **Perkakasan dan/atau Perisian** atau mana-mana bahagiannya gagal dalam Ujian Penerimaan Pengguna selepas penambahbaikan, Kontraktor hendaklah bertanggungjawab untuk

melaksanakan penambahbaikan itu tanpa apa-apa kos dan perbelanjaan kepada Kerajaan; dan

- (g) setelah Ujian Penerimaan Pengguna berjaya dijalankan, Kerajaan hendaklah mengeluarkan Sijil Akuan Penerimaan Pengguna.

10.4 Ujian Penerimaan Akhir

- 10.4.1 Setelah Sijil Akuan Penerimaan Pengguna dikeluarkan, Pihak-Pihak hendaklah menjalankan Ujian Penerimaan Akhir ke atas **Perkakasan dan/atau Perisian**. Tarikh dan masa untuk menjalankan Ujian Penerimaan Akhir ke atas **Perkakasan dan/atau Perisian** hendaklah dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Jadual Pelaksanaan pada **Lampiran D** Perjanjian ini.
- 10.4.2 Jika pada bila-bila masa dalam tempoh Ujian Penerimaan Akhir, mana-mana bahagian **Perkakasan dan/atau Perisian** didapati tidak mematuhi spesifikasi seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran C** Perjanjian ini, Kerajaan hendaklah memberitahu Kontraktor secara bertulis mengenai perkara itu dan Kontraktor hendaklah, tanpa apa-apa kos dan perbelanjaan kepada Kerajaan menggantikan mana-mana bahagian **Perkakasan dan/atau Perisian** itu dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh notis atau tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dipersetujui oleh Kerajaan. Kerajaan hendaklah, setelah penggantian itu, mengulangi Ujian Penerimaan Akhir; dan
- 10.4.3 Jika **Perkakasan dan/atau Perisian** atau mana-mana bahagiannya masih gagal untuk melepassi Ujian Penerimaan Akhir setelah penggantian dilaksanakan, Kontraktor hendaklah bertanggungjawab untuk membetulkan atau menggantikan **Perkakasan dan/atau Perisian**

atau mana-mana bahagiannya, tanpa apa-apa kos dan perbelanjaan kepada Kerajaan.

- 10.4.4 Jika Ujian Penerimaan Akhir berjaya dijalankan, Kerajaan hendaklah mengeluarkan Sijil Akuan Penerimaan Akhir.

11. PENERIMAAN DOKUMENTASI

- 11.1 Setelah Dokumentasi dilengkапkan, Kontraktor hendaklah mengemukakan Dokumentasi tersebut kepada Kerajaan untuk pertimbangan dan kelulusan. Jika Kerajaan berpuas hati dengan Dokumentasi tersebut, Kerajaan hendaklah mengeluarkan kelulusan bertulis kepada Kontraktor.
- 11.2 Jika Kerajaan tidak berpuas hati dengan Dokumentasi yang dikemukakan oleh Kontraktor, Kerajaan boleh memberi komen dan ulasan kepada Kontraktor dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh penerimaan Dokumentasi tersebut.
- 11.3 Kontraktor hendaklah selepas berbincang dengan Kerajaan, membuat semua pindaan yang perlu kepada Dokumentasi tersebut dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh penerimaan komen dan ulasan Kerajaan dan hendaklah mengemukakan kepada Kerajaan Dokumentasi yang telah dipinda untuk kelulusan.
- 11.4 Jika Kerajaan berpuas hati dengan Dokumentasi yang dipinda, Kerajaan hendaklah mengeluarkan kelulusan bertulis tidak lewat daripada **tujuh (7) hari** dari tarikh penerimaan Dokumentasi yang dipinda itu daripada Kontraktor.
- 11.5 Jika Kerajaan tidak berpuas hati dengan Dokumentasi yang dipinda, Kerajaan boleh memberi komen dan ulasan kepada Kontraktor dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh penerimaan Dokumentasi yang dipinda itu.

- 11.6 Kontraktor hendaklah selepas berbincang dengan Kerajaan, membuat semua pindaan yang perlu kepada Dokumentasi yang dipinda itu dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh penerimaan komen dan ulasan bersama Kerajaan dan hendaklah mengemukakan Dokumentasi yang dipinda itu kepada Kerajaan untuk kelulusan.
- 11.7 Jika Kerajaan berpuas hati dengan Dokumentasi yang dipinda itu selepas semakan kedua, Kerajaan hendaklah mengeluarkan suatu kelulusan bertulis tidak lewat daripada **tujuh (7) hari** dari tarikh penerimaan Dokumentasi yang dipinda itu daripada Kontraktor.
- 11.8 Sekiranya Kerajaan tidak berpuas hati dengan Dokumentasi tersebut, Kerajaan mempunyai pilihan sama ada untuk mengulangi proses di subklaus 11.5 hingga 11.7 atau menolak Dokumentasi tersebut dan Dokumentasi dianggap tidak berjaya disiapkan dan tiada pembayaran perlu dibuat bagi Dokumentasi tersebut. Bagi maksud klaus ini, semua rujukan kepada apa-apa tindakan yang akan dijalankan oleh Kerajaan hendaklah dijalankan oleh wakil Kerajaan.
- 12. LATIHAN DAN PROGRAM PEMINDAHAN TEKNOLOGI (*TRANSFER OF TECHNOLOGY – TOT*) DAN PERKEMBANGAN TEKNOLOGI**
- 12.1 Kontraktor hendaklah melaksanakan latihan dan pemindahan teknologi kepada Pengguna atau Pegawai Teknikal Kerajaan sepertimana dicadangkan dalam **Lampiran I** Perjanjian ini.
- 12.2 Kontraktor boleh menyediakan latihan, aktiviti dan perkongsian ilmu berhubung produk dan teknologi yang sesuai termasuk perkembangan teknologi terkini (*technology update*) yang berkaitan dengan Pembekalan sama ada di dalam negara atau luar negara tanpa kos tambahan kepada Kerajaan.

12.3 Kontraktor perlu menyerahkan kepada Kerajaan laporan latihan selepas selesai setiap sesi latihan bagi tujuan dokumentasi latihan.

13. PENGHANTARAN, PENERIMAAN DAN PEMASANGAN

13.1 Penghantaran

- (a) **Perkakasan dan/atau Perisian** hendaklah dihantar kepada Kerajaan di Lokasi Pembekalan mengikut tempoh yang ditetapkan (“**Tempoh Penghantaran**”).
- (b) Sekiranya Kontraktor memerlukan pelanjutan Tempoh Penghantaran, Kontraktor hendaklah membuat permohonan secara bertulis kepada Kerajaan untuk melanjutkan Tempoh Penghantaran tersebut. Permohonan tersebut hendaklah dibuat tidak kurang daripada **tujuh (7) hari** sebelum tamat Tempoh Penghantaran.
- (c) Jika Kerajaan bersetuju secara bertulis untuk melanjutkan Tempoh Penghantaran maka, Tempoh Penghantaran hendaklah dilanjutkan ke suatu tempoh yang dipersetujui oleh Kerajaan.
- (d) Jika Kerajaan tidak bersetuju melanjutkan Tempoh Penghantaran tersebut sebagaimana yang dipohon oleh Kontraktor maka, Tempoh Penghantaran dalam subklausu 13.1(a) hendaklah terpakai. Kegagalan Kontraktor untuk menyerahkan **Perkakasan dan/atau Perisian** dalam tempoh yang dinyatakan dalam subklausu 13.1(a) adalah satu pelanggaran terma-terma atau syarat-syarat Perjanjian ini dan Kerajaan berhak mengenakan denda lewat seperti yang terdapat di dalam **Lampiran G** Perjanjian ini.

13.2 Penerimaan

- (a) Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Kerajaan sekurang-kurangnya tiga (3) salinan nota penghantaran (“DO”) dan tiga (3) salinan Sijil Akuan Penerimaan Perkakasan dan/atau Perisian yang mengandungi maklumat lengkap mengenai Perkakasan dan/atau Perisian yang diserahkan dan perakuan Kontraktor bahawa kualiti Perkakasan dan/atau Perisian yang dihantar itu mengikut spesifikasi dan kualiti seperti mana yang dipersetujui, semasa penyerahan Perkakasan dan/atau Perisian dibuat.
- (b) Kerajaan hendaklah mengembalikan satu (1) salinan DO dan satu (1) salinan Sijil Akuan Penerimaan Perkakasan dan/atau Perisian bagi Perkakasan dan/atau Perisian kepada Kontraktor selepas Perkakasan dan/atau Perisian dipasang dan diuji mengikut peruntukan subklausu 13.3 Perjanjian ini.

13.3 Pemasangan

Kontraktor hendaklah memasang Perkakasan dan/atau Perisian di Lokasi Pembekalan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

14. PEMERIKSAAN SEMASA PENERIMAAN PERKAKASAN DAN/ATAU PERISIAN

Kerajaan hendaklah melakukan pemeriksaan ke atas Perkakasan dan/atau Perisian yang dihantar ke Lokasi Pembekalan bagi memastikan Perkakasan dan/atau Perisian adalah mengikut jenis, jumlah dan kuantiti yang sama seperti yang dipesan dan diperakukan oleh pegawai Kerajaan berkenaan dengan Perjanjian ini dalam Borang Pesanan atau ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Jika didapati terdapat sebarang kerosakan atau kekurangan,

Kontraktor hendaklah menggantikan jumlah yang rosak atau kurang itu dalam tempoh **empat belas (14) hari** tanpa sebarang kos tambahan.

15. PERSONEL

- 15.1 Kontraktor hendaklah menubuhkan suatu pasukan yang terdiri daripada Personel-Personel bagi tujuan pelaksanaan Pembekalan. Struktur Pasukan Projek adalah seperti dalam **Lampiran H** Perjanjian ini dan sekiranya terdapat sebarang perubahan, Kontraktor hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan dengan mengemukakan permohonan secara bertulis.
- 15.2 Kontraktor hendaklah mengambil Pekerja warganegara Malaysia sahaja sebagai Personel bagi melaksanakan Pembekalan melainkan jika mereka dapat menunjukkan hingga memuaskan hati Kerajaan bahawa bilangan warganegara Malaysia dalam sesuatu peringkat kemahiran yang dikehendaki untuk menyempurnakan Perjanjian ini tidak dapat diadakan dengan secukupnya.
- 15.3 Kontraktor hendaklah mengemukakan sebarang maklumat berkenaan dengan Personel yang diambil bekerja oleh Kontraktor bagi melaksanakan Pembekalan sebagaimana yang mungkin diminta dari semasa ke semasa oleh mana-mana pihak berkuasa. Sekiranya Kontraktor mengemukakan maklumat palsu, maka Kerajaan boleh menamatkan Perjanjian ini dan pendaftaran Kontraktor sebagai seorang Kontraktor Kerajaan boleh dibatalkan.
- 15.4 Kontraktor hendaklah terus bertanggungan secara sendiri dan peribadi terhadap semua tindakan Personelnya atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya.
- 15.5 Sebarang pertukaran atau kemasukan ahli pasukan baru mesti mendapat persetujuan bertulis pihak Kerajaan dan keutamaan adalah terhadap pengalaman

yang setara atau lebih baik. Sebarang pertukaran atau kemasukan ahli pasukan baharu juga tertakluk pada syarat-syarat yang berikut:

- (a) Kontraktor hendaklah memberi notis secara bertulis kepada Kerajaan dalam tempoh tidak kurang **tiga puluh (30) hari** sebelum pertukaran atau kemasukan ahli pasukan baharu bagi mengelakkan terjejasnya pelaksanaan Pembekalan;
- (b) tiada kos tambahan boleh dikenakan terhadap Kerajaan bagi maksud pertukaran atau kemasukan ahli pasukan baharu; dan
- (c) Kerajaan wajar diberikan opsyen untuk meminta pihak Kontraktor membuat pertukaran ahli pasukan baharu sekiranya tidak berpuas hati dengan prestasi ahli pasukan sedia ada.

16. OBLIGASI KONTRAKTOR

- 16.1 Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini, Kontraktor atas risiko, kos dan perbelanjaannya sendiri hendaklah—
 - (a) menyempurnakan Pembekalan mengikut Skop Pembekalan sebagaimana yang terkandung dalam **Lampiran B** Perjanjian ini dan Spesifikasi Perkakasan/Perisian sebagaimana yang terkandung dalam **Lampiran C** Perjanjian ini mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Jadual Pelaksanaan pada **Lampiran D** Perjanjian ini dan mematuhi *Service Level Agreement* (SLA) dalam **Lampiran F** Perjanjian ini;
 - (b) melaksanakan obligasi yang terkandung dalam Perjanjian ini secara profesional, kemahiran yang tinggi dan teliti mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang telah dipersetujui dalam Perjanjian;

- (c) bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua kos dan perbelanjaan termasuk caj Pembekalan, pengangkutan dan lain-lain sepanjang Tempoh Perjanjian;
- (d) memastikan pengambilan Pekerja yang cukup bagi melaksanakan Pembekalan dan bersedia untuk melaksanakan Pembekalan di bawah Perjanjian ini dan sebarang pertukaran mengenai Pekerja yang dinyatakan haruslah dimaklumkan secara bertulis kepada Kerajaan dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** daripada tarikh pertukaran Pekerja tersebut;
- (e) memastikan pengambilan Pekerja bagi melaksanakan Pembekalan hendaklah:
 - (i) warganegara Malaysia berumur lapan belas (18) tahun ke atas;
 - (ii) sihat tubuh badan, berdisiplin, terlatih dan berkelayakan untuk melaksanakan Pembekalan dalam Perjanjian ini; dan
 - (iii) tidak mempunyai rekod jenayah dan bukan seorang penagih dadah.
- (f) memberikan Kerajaan menikmati secara aman dan tenteram Pembekalan tersebut sepanjang Tempoh Perjanjian ini tanpa gangguan atau kekacauan daripada atau oleh Kontraktor atau mana-mana orang yang menuntut secara sah melalui, di bawah sebagaimana amaran bagi pihak Kontraktor;
- (g) bertanggungjawab sepenuhnya terhadap apa-apa kenaikan kos Pembekalan yang melebihi Nilai Perjanjian tanpa meletakkan apa-apa liabiliti atau tanggungan ke atas Kerajaan;

- (h) memberi segala bentuk kerjasama kepada Kerajaan atau pegawai yang diberi kuasa dalam apa-apa perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan Pembekalan;
- (i) membenarkan Kerajaan pada setiap masa untuk membuat pemeriksaan dan pengauditan terhadap Pembekalan tanpa terlebih dahulu memberi apa-apa notis kepada Kontraktor;
- (j) mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan Pembekalan memenuhi terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian;
- (k) bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan Pekerja Kontraktor yang menjalankan Pembekalan;
- (l) menyedia dan membayar gaji kepada Pekerja bagi tujuan pelaksanaan Pembekalan dan mematuhi Perintah Gaji Minimum semasa yang berkuat kuasa;
- (m) membayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan/ atau Kumpulan Wang Keselamatan Pekerja (SOCSO) mengikut mana yang berkenaan dan menginsuranskan setiap Pekerja yang bertugas terhadap apa-apa kemalangan atau kecederaan yang dialami semasa menjalankan Pembekalan;
- (n) bertanggungjawab sepenuhnya atas segala liabiliti atau apa-apa tuntutan kerugian atau ganti rugi daripada mana-mana Pihak termasuk pegawai-pegawai Kerajaan dan orang awam mengenai apa-apa kerosakan harta benda atau kecederaan kepada mana-mana pegawai Kerajaan atau orang awam yang disebabkan oleh kecuaian Kontraktor atau pekerjanya semasa melaksanakan Pembekalan;

- (o) memaklumkan kepada Kerajaan secara bertulis dengan serta-merta apabila berlaku apa-apa faktor atau kejadian, yang boleh memberikan kesan terhadap Pembekalan Kontraktor di bawah Perjanjian. Makluman tersebut hendaklah tidak ditafsirkan sebagai pengecualian tanggungjawab Kontraktor di bawah Perjanjian;
 - (p) menyerahkan Pembekalan tersebut kepada Kerajaan berserta dokumentasi yang berkaitan dengan pelaksanaan Pembekalan; dan
 - (q) memastikan bahawa Pembekalan diserahkan kepada Kerajaan setelah selesai semua kerja pengujian Pembekalan mengikut masa yang telah dipersetujui oleh Pihak-Pihak.
- 16.2 Kontraktor tidak akan dilepaskan daripada melaksanakan apa-apa obligasi dalam Perjanjian ini dan hendaklah pada setiap masa bertanggungjawab kepada Kerajaan dalam melaksanakan obligasi di bawah Perjanjian ini.
- 16.3 Kontraktor hendaklah mengekalkan pegangan ekuiti Kontraktor sepanjang Tempoh Perjanjian berkuat kuasa kecuali setelah mendapat kelulusan bertulis daripada Kerajaan terlebih dahulu.

17. TANGGUNGJAWAB AM PIHAK-PIHAK

- 17.1 Kontraktor hendaklah secara am bertanggungjawab seperti yang berikut:
- (a) Pada setiap masa melaksanakan Pembekalan dengan teratur, sempurna dan profesional berdasarkan amalan pengurusan yang baik dengan mengambil semua langkah yang perlu bagi menjaga kepentingan Kerajaan supaya tidak terjejas;

- (b) Kontraktor hendaklah sentiasa mengendalikan keseluruhan Pembekalan dengan tenaga Pekerja yang cekap, berkelayakan dan berpengalaman bersesuaian dengan pelaksanaan Pembekalan;
- (c) Kontraktor hendaklah bertanggungjawab untuk keseluruhan kos dan perbelanjaan Pembekalan dan membuat perancangan yang wajar untuk peruntukan kewangan bagi menjalankan Pembekalan;
- (d) Kontraktor hendaklah mengupah dengan kos dan perbelanjaannya sendiri pakar, perunding atau ejen yang diberi kuasa untuk kewajaran pelaksanaan dan prestasi Pembekalan;
- (e) Kontraktor hendaklah melupuskan data atau maklumat berkaitan di dalamnya secara kekal sama ada yang ditempatkan di persekitaran tempatan (localhost), pembangunan (development, environment), storan awan dan lain-lain. Proses pelupusan tersebut perlu melalui proses sanitasi bagi memastikan pelupusan yang dilaksanakan menjamin integriti serta reputasi Kerajaan walaupun penamatan awal atau tamatnya Perjanjian ini;
- (f) Kontraktor hendaklah sentiasa memberi akses dan membekalkan maklumat yang berkaitan dengan Pembekalan pada bila-bila masa diperlukan Kerajaan. Apabila Kerajaan membuat permintaan ini, Kontraktor hendaklah patuh dan mengemukakannya dalam **tempoh tiga (3) jam** dari permintaan Kerajaan atau tempoh yang disetujui oleh Kerajaan sama ada secara lisan atau bertulis diterima oleh Kontraktor dan mana-mana Pekerja, ejen, Kontraktor bebas yang dilantik oleh Kontraktor atau mana-mana orang lain yang diberikuasa dan dilantik oleh Kontraktor bagi maksud melaksanakan Pembekalan;
- (g) Kontraktor hendaklah memberitahu Kerajaan secara bertulis dengan segera tentang berlakunya apa-apa faktor atau peristiwa yang dilihat boleh

memberi kesan kepada Pembekalan. Pemberitahuan tersebut tidak boleh ditaksirkan sebagai melepaskan apa-apa jua obligasi Kontraktor di bawah Perjanjian ini;

- (h) Kontraktor hendaklah memberi jaminan bahawa pelaksanaan Pembekalan akan berfungsi dengan sempurna dan dijamin daripada sebarang kesilapan dan kecacatan dari segi bahan dan kemahiran tenaga kerja;
- (k) Kontraktor hendaklah mengganti rugi Kerajaan atas sebarang kerosakan yang berlaku ke atas Pembekalan yang berpunca daripada kelalaian, kecuian atau perbuatan sengaja oleh pihak Kontraktor atau pekerjanya;
- (l) Kontraktor hendaklah memastikan bahawa pekerjanya tidak membuat bising atau kacau ganggu kepada Kerajaan atau kakitangan Kerajaan semasa pelaksanaan Pembekalan di Lokasi Pembekalan sepanjang Perjanjian ini berkuatkuasa;
- (m) Kontraktor hendaklah memberikan kepada Kerajaan senarai nama Pekerja Kontraktor yang diberi kuasa untuk berurusan dengan Kerajaan bagi pelaksanaan Perjanjian ini;
- (n) Kontraktor tidak boleh dilepaskan daripada mana-mana obligasinya di bawah Perjanjian ini dan memaklumkan secara bertulis kepada Kerajaan dengan serta-merta apabila Kontraktor digulungkan;
- (o) Kontraktor hendaklah memaklumkan Kerajaan sekurang-kurangnya **tiga puluh (30) hari** sebelum perniagaannya dihentikan sekiranya Kontraktor hendak menghentikan perniagaannya;
- (p) Kontraktor memberi jaminan bahawa semua Perkakasan yang digantikan atau dipinjamkan kepada Kerajaan dalam menjalankan Pembekalan

tersebut adalah dimiliki oleh Kontraktor dan tidak melanggar undang-undang yang berkaitan dengan hak harta intelek dan Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya terjadi apa-apa tuntutan daripada pelanggaran hak harta intelek itu.

17.2 Kerajaan hendaklah secara am bertanggungjawab seperti yang berikut:

- (a) Mbenarkan Kontraktor dan mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Kontraktor pada setiap masa yang sesuai dan setelah notis bertulis yang munasabah diberikan kepada Kerajaan, masuk ke Lokasi Pembekalan bagi maksud melaksanakan Pembekalan atau memeriksa keadaan Perkakasan dan membuat pengantian Perkakasan atau mana-mana bahagian daripadanya;
- (b) Walau apa pun yang dinyatakan di subklaus 17.2(a), Kerajaan (apabila difikirkan perlu dan munasabah) mempunyai hak mutlak untuk tidak mbenarkan Kontraktor atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Kontraktor untuk memasuki mana-mana Lokasi Pembekalan;
- (c) Memaklumkan Kontraktor sebarang perubahan alamat Kerajaan atau Lokasi Pembekalan sekiranya Perkakasan perlu diubah ke tempat baru yang diarahkan oleh Kerajaan;
- (d) Memastikan apa-apa bilangan pegawai Kerajaan menyelaras Pembekalan dengan Kontraktor;
- (e) Memaklumkan kepada Kontraktor mengenai pegawai yang perlu dihubungi di Lokasi Pembekalan;
- (f) Merujuk dan memaklumkan kepada Kontraktor sekiranya terdapat apa-apa perubahan terhadap perkara-perkara yang boleh menjaskan Perjanjian

ini;

- (g) Tertakluk kepada arahan-arahan keselamatan dan pentadbiran yang dikeluarkan dari semasa-semasa, membenarkan Kontraktor berada dan masuk ke dalam Lokasi Pembekalan untuk melaksanakan Pembekalan; dan
- (h) Melaksanakan pembayaran yang patut dibayar dalam Perjanjian ini.

18. PERTUKARAN JENAMA

- 18.1 Kerajaan tidak akan mempertimbangkan sebarang perubahan jenama **Perkakasan dan/atau Perisian** yang ditawarkan oleh Kontraktor kecuali di atas faktor-faktor tertentu yang telah mendapat pengesahan bertulis daripada Kerajaan.
- 18.2 Kontraktor hendaklah memastikan semua penukaran jenama **Perkakasan dan/atau Perisian** yang dibekalkan memenuhi keperluan dengan spesifikasi yang setara sepertimana yang dinyatakan dalam Skop Pembekalan di **Lampiran B** Perjanjian ini atau lebih baik dan yang terkini serta dijamin oleh pengeluar.

19. HAK MILIK **PERKAKASAN DAN/ATAU PERISIAN**

Hak milik ke atas **Perkakasan dan/atau Perisian** adalah milik Kerajaan sepenuhnya.

20. HAK KERAJAAN

- 20.1 Walaupun Pembekalan telah diterima, Kerajaan boleh mengambil tindakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan perkara-perkara yang berikut jika Pembekalan yang dilaksanakan tidak mengikut mana-mana terma dan syarat Perjanjian ini

atau jika berlaku pelanggaran seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran G** Perjanjian ini:

- (a) Menolak Pembekalan atau apa-apa bahagian darinya dan meminta Kontraktor menggantikan Pembekalan atau apa-apa bahagian darinya dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Kerajaan. Jika Pembekalan atau apa-apa bahagian darinya tidak digantikan dalam masa yang ditentukan, Kerajaan boleh mendapatkan Pembekalan atau apa-apa bahagian darinya daripada punca lain dan Kontraktor dikehendaki membayar amaun yang dikenakan kepada Kerajaan;
- (b) Menuntut pampasan daripada Kontraktor melalui pemotongan, tolakan atau pengurangan kepada Nilai Perjanjian atau pengenaan denda atau LAD (mengikut mana-mana yang bersesuaian) atau mengambil apa-apa tindakan sepetimana yang dinyatakan dalam **Lampiran G** Perjanjian ini;
- (c) Mengambil atau merampas keseluruhan atau sebahagian jumlah wang dalam Bon Pelaksanaan; atau
- (d) Menamatkan Perjanjian ini dan melantik pihak lain untuk melaksanakan Pembekalan.

- 20.2 Kontraktor hendaklah membuat pembayaran pampasan selewat-lewatnya **tiga puluh (30) hari** selepas menerima notis tuntutan bertulis daripada Kerajaan.
- 20.3 Jika wang yang dituntut oleh Kerajaan tidak mencukupi bagi menampung tuntutan Kerajaan, Kerajaan boleh menuntut baki tuntutan itu daripada Kontraktor dan Kontraktor hendaklah membuat pembayaran tersebut dalam tempoh yang ditentukan dalam notis tuntutan. Kerajaan juga berhak menuntut jumlah baki tersebut daripada Kontraktor melalui mana-mana Perjanjian yang ditandatangani

dengan agensi Kerajaan, sekiranya Kontraktor gagal membuat bayaran setelah dituntut.

21. HAK KERAJAAN MENDAPATKAN PEMBEKALAN DARIPADA PUNCA LAIN

- 21.1 Kerajaan berhak mendapatkan Pembekalan daripada punca lain selain daripada Kontraktor jika Kontraktor tidak dapat melaksanakan Pembekalan atau apa-apa bahagian dari Pembekalan.
- 21.2 Jika Kerajaan mendapatkan Pembekalan daripada punca lain selain daripada Kontraktor di bawah subklaus 21.1 di atas, Kerajaan boleh mengenakan kos penggantian tersebut terhadap Kontraktor.

22. PENAMATAN PERJANJIAN OLEH KERAJAAN

Melainkan seperti yang diperuntukan di bawah perjanjian ini, sekiranya berlaku—

- 22.1 Kemungkiran oleh Kontraktor

22.1.1 Keadaan-keadaan yang membawa kepada kemungkiran Perjanjian, sekiranya didapati bahawa—

- (a) Kontraktor telah gagal menepati, mematuhi atau melaksanakan terhadap mana-mana terma atau syarat dalam Perjanjian ini;
- (b) Kontraktor dengan sengaja mengabaikan secara berterusan daripada menjalankan obligasi-obligasinya sepertimana yang terkandung dalam Perjanjian ini;

- (c) Kontraktor memberikan representasi yang salah atau pengaruh yang tidak wajar kepada Kerajaan sebelum dan selepas termeterainya Perjanjian ini;
- (d) Kontraktor menyerahkan tugas dan tanggungjawabnya yang khusus di bawah Perjanjian ini untuk dilaksanakan oleh pihak ketiga yang tiada kaitan dengan Perjanjian ini tanpa persetujuan bertulis dari Kerajaan;
- (e) Kontraktor melakukan perbuatan yang menyebabkan Kerajaan diheret ke dalam pertikaian yang tidak munasabah;
- (f) Kontraktor mengelakkan atau mengabaikan secara berterusan dalam mematuhi apa-apa arahan bertulis daripada Kerajaan dan yang mana telah dipersetujui akan dilakukan oleh Kontaktor; atau
- (g) Kontraktor tidak jujur atau amanah atau bertanggungjawab atau cuai dalam menjalankan Perjanjian ini

maka, Kerajaan berhak untuk mengemukakan atau mengeluarkan notis bertulis (selepas ini dirujuk sebagai "**Notis Mungkir**") kepada Kontraktor dan Kontraktor perlu meremedikan kegagalan tersebut dalam masa **empat belas (14) hari** daripada tarikh notis tersebut.

- 22.1.2 Sekiranya Kontraktor gagal meremedikan kegagalan tersebut dalam tempoh **empat belas (14) hari** selepas Notis Mungkir dikeluarkan, Kerajaan berhak menamatkan Perjanjian ini dengan serta merta dengan mengemukakan notis bertulis (selepas ini dirujuk sebagai "**Notis Penamatan**") kepada Kontraktor dan Perjanjian ini hendaklah ditamatkan mulai daripada tarikh yang ditetapkan oleh Kerajaan dalam Notis Penamatan tersebut.

22.2 Kemungkiran Am oleh Kontraktor

22.2.1 Kerajaan boleh menamatkan Perjanjian ini (tanpa apa-apa pampasan) dengan memberi notis secara bertulis dalam masa **tiga puluh (30) hari** dari tarikh penamatan diniatkan kepada Kontraktor jika—

- (a) mahkamah membuat suatu perintah atau suatu ketetapan diluluskan bahawa Kontraktor itu digulung (bukan suatu penggulungan bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat suatu perintah penggulungan;
- (b) Kontraktor pada bila-bila masa menjadi bankrap atau satu pemutang melantik seorang penerima atau pengurus bagi pihak seseorang pemutang dilantik bagi menguruskan aset Kontraktor;
- (c) Kontraktor membuat sesuatu pindah hak atau serah hak bagi faedah pemutang atau membuat sesuatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah pemutang atau tidak berupaya menyelesaikan hutang; atau
- (d) Kerajaan mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Kontraktor atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau diluar pengetahuan Kontraktor) melakukan perbuatan jenayah atau rasuah

DENGAN SYARAT BAHAWA penamatan perjanjian ini tidak menyentuh hak-hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi dan hak-hak lain yang sedia ada.

22.2.2 Walau apa pun yang dinyatakan dalam subklausu di atas, Kontraktor hendaklah melaksanakan segala obligasinya yang terakru kepada Kerajaan dalam Perjanjian ini.

22.2.3 Kerajaan berhak menuntut daripada Kontraktor apa-apa ganti rugi yang mungkin timbul akibat dari penamatan Perjanjian ini, tanpa menjelaskan hak-hak lain Kerajaan yang terakru di bawah Perjanjian ini.

22.3 Kesan Penamatan oleh Kerajaan

Setelah penamatan Perjanjian ini—

- (a) segala kuasa dan hak yang diberikan oleh dan segala tanggungjawab dalam Perjanjian ini hendaklah ditamatkan serta merta.
- (b) Kontraktor hendaklah—
 - (i) segera menamatkan Pembekalan di bawah Perjanjian ini;
 - (ii) menyerahkan kepada Kerajaan laporan-laporan terperinci yang mengenai segala kos Pembekalan dan bayaran-bayaran lain yang masih tertunggak dan terhutang oleh kerajaan sebelum penamatan untuk pengesahan dan kelulusan oleh Kerajaan; dan
 - (iii) menamatkan segala perjanjian pihak ketiga yang dimasuki oleh Kontraktor berkenaan dengan pelaksanaan atau pengendalian Pembekalan.
- (c) Kerajaan hendaklah—

- (i) menuntut daripada Kontraktor atas sebarang kerugian yang dialami akibat daripada penamatan Perjanjian;
- (ii) membayar kepada Kontraktor apa-apa juga jumlah bayaran yang terakru di bawah Perjanjian ini;
- (iii) berhak merampas keseluruhan atau sebahagian Bon Pelaksanaan;
dan
- (iv) berhak untuk melantik syarikat lain untuk melaksanakan Pembekalan dan Kontraktor hendaklah membayar kepada Kerajaan segala kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan dalam menyempurnakan Pembekalan segala perbelanjaan yang sepatutnya dibayar kepada syarikat lain untuk menyempurnakan Pembekalan tersebut sekiranya Perjanjian ini tidak ditamatkan

DENGAN SYARAT BAHAWA penamatan tersebut hendaklah tidak menjelaskan atau memprejudiskan hak-hak Pihak-Pihak sebelum tarikh penamatan Perjanjian ini dan segala tanggungjawab di bawah Perjanjian ini hendaklah berterusan walaupun selepas penamatan Perjanjian ini mengenai apa juga tindakan, pembuatan, perkara atau benda yang berlaku sebelum penamatan Perjanjian ini.

23. PENAMATAN AWAL DENGAN NOTIS

- 23.1 Walau apa pun yang dinyatakan di bawah Perjanjian ini, Kerajaan boleh menamatkan Perjanjian ini lebih awal daripada Tempoh Perjanjian atas apa juga sebab sekalipun dengan memberikan notis **tiga puluh (30) hari** secara bertulis kepada Kontraktor. Penamatan tersebut hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan dalam notis bertulis tersebut oleh Kerajaan.

23.2 Apabila Perjanjian ini ditamatkan mengikut subklausu 23.1 maka, kesan-kesan penamatan mengikut subklausu 24.4 Perjanjian ini adalah terpakai.

23.3 Penamatan Perjanjian ini di bawah subklausu 23.1 tidak menjaskan hak mana-mana Pihak untuk mengambil tindakan mengenai apa-apa pelanggaran terma dan syarat Perjanjian ini yang telah berlaku sebelum tarikh Perjanjian ini ditamatkan oleh Kerajaan.

24. PENAMATAN PERJANJIAN OLEH KONTRAKTOR

24.1 Kontraktor berhak menamatkan Perjanjian ini jika—

- (a) Kerajaan tanpa sebab yang munasabah, gagal untuk membayar Nilai Perjanjian kepada Kontraktor dalam tempoh masa yang ditetapkan; atau
- (b) Kerajaan tanpa sebab yang munasabah gagal untuk melaksanakan atau memenuhi mana-mana obligasinya yang secara langsung menjaskan obligasi Kontraktor di bawah Perjanjian ini.

24.2 Jika keadaan yang dinyatakan di bawah subklausu 24.1 berlaku maka, Kontraktor boleh memberikan notis secara bertulis yang memaklumkan keingkaran tersebut kepada Kerajaan dan mengkehendaki Kerajaan meremedikan kemungkiran yang berlaku dalam tempoh **tiga puluh (30) hari** selepas tarikh penerimaan notis atau mana-mana tempoh yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak.

24.3 Jika keadaan di bawah subklausu 24.2 masih berterusan selepas tempoh yang ditetapkan atau tempoh lain yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak maka, Kontraktor boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberikan Notis Penamatan kepada Kerajaan.

24.4 Kesan Penamatan oleh Kontraktor

Apabila Perjanjian ini ditamatkan mengikut subklausa 24.3—

- (a) Kontraktor hendaklah serta-merta menghentikan Pembekalan dan semua kuasa, obligasi dan hak yang diberikan kepada Kontraktor dan wujud di bawah Perjanjian ini hendaklah tamat dengan serta-merta;
- (b) Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Kerajaan laporan terperinci berhubung dengan bayaran Pembekalan dan lain-lain pembayaran yang tertunggak daripada Kerajaan (sekiranya ada) setakat pada tarikh Notis Penamatan Perjanjian untuk tujuan kelulusan dan pengesahan daripada Kerajaan;
- (c) Kontraktor hendaklah memasuki Lokasi Pembekalan untuk mengambil peralatan atas kos dan perbelanjaan Kontraktor sendiri; dan
- (d) tertakluk kepada apa-apa tolakan yang dibenarkan di bawah Klausa 7 bagi Pembekalan yang telah diberikan oleh Kontraktor sehingga tarikh penamatan Perjanjian, Kerajaan hendaklah membayar kepada Kontraktor apa-apa pembayaran bagi Pembekalan yang perlu dibayar dan terakru di bawah Perjanjian ini setakat pada tarikh Notis Penamatan.

25. PENYELESAIAN PENUH DAN MUKTAMAD

Pihak-Pihak bersetuju jika Perjanjian ini ditamatkan menurut Klausa 22, 23 dan 24 Perjanjian ini, Kontraktor tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya selain daripada yang diperuntukkan mengikut subklausa 22.3(c)(ii) dan subklausa 24.4(d). Pihak-Pihak selanjutnya bersetuju bahawa bayaran yang dibuat oleh Kerajaan di bawah subklausa 22.3(c)(ii) dan subklausa 24.4(d) adalah terjumlah kepada satu penyelesaian penuh dan

muktamad di antara Pihak-Pihak.

26. GANTI RUGI

- 26.1 Kontraktor hendaklah membayar ganti rugi kepada Kerajaan terhadap segala bayaran tuntutan, belanja, ganti rosak, tanggungan, kerugian dan pembicaraan yang mungkin ditanggung oleh atau dikenakan ke atas Kerajaan sebagai akibat langsung atau tidak langsung dari pelanggaran Perjanjian ini oleh Kontraktor. Jika bilangan Kontraktor itu dua atau lebih daripada dua orang maka, tanggungan bagi mereka itu di bawah ini hendaklah disifatkan sebagai bersama dan masing-masing.
- 26.2 Kontraktor hendaklah memberi ganti rugi kepada Kerajaan terhadap apa-apa juga tindakan tentang perlanggaran Surat Jaminan Hak atau Reka Bentuk Berdaftar (yang disiarkan pada tarikh Perjanjian ini) kerana mengguna atau menjual mana-mana juga Pembekalan atau bahan yang dibekalkan oleh Kontraktor di bawah Perjanjian ini dan terhadap segala belanja dan ganti rosak yang Kerajaan mungkin lakukan dalam sesuatu tindakan, kerana perlanggaran itu atau yang Kerajaan mungkin bertanggungjawab dalam sesuatu tindakan itu. **DENGAN SYARAT BAHAWA** ganti rugi itu tidaklah dikenakan kepada apa-apa juga perlanggaran yang disebabkan oleh Kontraktor kerana menurut reka bentuk atau arahan sah yang diberi oleh Kerajaan.
- 26.3 Kontraktor hendaklah menerima apa-apa tanggungan dan hendaklah membayar ganti rugi kepada Kerajaan terhadap apa-apa tanggungan, tuntutan, kos perbicaraan, perbelanjaan atau ganti rugi yang timbul akibat daripada mana-mana kecederaan dan/atau kematian seseorang itu atau mana-mana kerosakan harta benda sama ada kepunyaan Kerajaan atau mana-mana pihak disebabkan kecuaian atau keingkaran atau perbuatan sengaja Kontraktor, pekerja-pekerja atau ejen-ejennya yang disebabkan oleh atau timbul daripada atau semasa Kontraktor melaksanakan Pembekalan di bawah Perjanjian ini.

27. LARANGAN UNTUK TAWARAN ATAU BALASAN

- 27.1 Kontraktor adalah dilarang membuat tawaran, memberi atau bersetuju untuk memberi kepada mana-mana pegawai Kerajaan, apa-apa bentuk, balasan atau hadiah sebagai dorongan untuk atau kerana melakukan atau bersetuju untuk melakukan apa-apa perbuatan yang berkait rapat dengan perolehan atau perlaksanaan Perjanjian ini dan/atau mana-mana Perjanjian lain dengan Kerajaan Malaysia.
- 27.2 Jika didapati berlakunya perlanggaran subklaus 27.1 Perjanjian ini oleh Kontraktor sama ada dengan atau di luar pengetahuan Kontraktor, berhubung dengan Perjanjian ini dan/atau mana-mana Perjanjian lain dengan Kerajaan sehingga terjumlah kepada suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], Kerajaan sentiasa mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian ini dan mendapatkan apa-apa ganti rugi daripada Kontraktor yang timbul akibat penamatan Perjanjian ini.

28. PENAMATAN ATAS SEBAB KEPENTINGAN NEGARA, KESELAMATAN NEGARA, DASAR KERAJAAN ATAU DASAR AWAM

28.1 Alasan Penamatan

28.1.1 Walau apa pun peruntukan dalam Perjanjian ini, Kerajaan boleh, pada bila-bila masa sepanjang tempoh sah Perjanjian ini, menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis yang menyatakan sedemikian tidak kurang daripada **tiga puluh (30) hari** kepada Kontraktor jika Kerajaan mempertimbangkan bahawa penamatan itu adalah perlu dibuat demi kepentingan negara, kepentingan keselamatan negara, atau untuk tujuan dasar Kerajaan atau dasar awam. Bagi maksud klaus ini, penentuan “kepentingan negara”, “keselamatan negara”, “dasar Kerajaan” atau “dasar awam” hendaklah

semata-matanya dibuat dan ditentukan oleh Kerajaan dan penentuan tersebut hendaklah bagi segala tujuan dan maksud adalah muktamad dan konklusif serta tidak boleh dipertikaikan atas apa-apa sebab jua.

28.2 Kesan Penamatan

28.2.1 Jika Perjanjian ini ditamatkan mengikut subklausu 28.1, kesan-kesan penamatan mengikut subklausu 24.4 adalah terpakai.

28.2.2 Pihak-Pihak bersetuju bahawa Kontraktor tidak layak untuk menuntut apa-apa kos, perbelanjaan dan kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, ganti rugi atau pampasan selain daripada yang ditetapkan dalam subklausu 24.4. Pihak-Pihak juga bersetuju bahawa bayaran yang dibuat oleh Kerajaan di bawah subklausu 24.4 adalah terjumlah kepada satu penyelesaian penuh dan muktamad di antara Pihak-Pihak.

29. PENAMATAN DISEBABKAN RASUAH, AKTIVITI HARAM, AKTIVITI YANG MENYALAHI UNDANG-UNDANG ATAU TIPUAN BIDA

29.1 Tanpa prasangka kepada apa-apa hak Kerajaan yang lain, sekiranya Kontraktor, kakitangan, Pembekalannya atau pekerjanya disabitkan oleh Mahkamah atas kesalahan rasuah atau aktiviti haram atau aktiviti yang menyalahi undang-undang atau didapati melakukan pelanggaran larangan tipuan bida di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau apa-apa Perjanjian lain yang dimasuki oleh Kontraktor dengan Kerajaan, Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan serta merta kepada Kontraktor untuk menyatakan sedemikian kepada Kontraktor.

- 29.2 Kerajaan berhak menuntut daripada Kontraktor apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.
- 29.3 Pihak-Pihak bersetuju bahawa Kontraktor tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu.

30. HAK PIHAK-PIHAK DAN KESAN APABILA PERJANJIAN DITAMATKAN

Apa-apa penamatan yang dinyatakan dalam Perjanjian ini hendaklah tidak memberikan kesan kepada apa-apa hak Pihak-Pihak yang terakru sebelum tarikh penamatan Perjanjian dan tanggungjawab Pihak-Pihak dalam Perjanjian ini hendaklah terus bersambung walaupun selepas penamatan Perjanjian bagi maksud apa-apa tindakan, pertikaian, rujukan, pembayaran, tuntutan atau perkara sebelum penamatan Perjanjian ini.

31. JAWATANKUASA PENYELESAIAN PERTIKAIAN

- 31.1 Apa-apa perkara, pertikaian atau tuntutan antara Pihak-Pihak berkenaan apa-apa perkara di bawah Perjanjian ini kecuali yang berhubungan dengan Kerajaan membuat pertimbangannya di bawah Klausu 28 dan Klausu 29 hendaklah diselesaikan secara baik dan aman oleh Pihak-Pihak.
- 31.2 Jika perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut tidak dapat diselesaikan secara baik oleh Pihak-Pihak, perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut hendaklah dirujuk kepada suatu jawatankuasa penyelesaian pertikaian (kemudian daripada ini dirujuk sebagai **("Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian")** yang terdiri daripada—

- (a) Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat/Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang dilantik olehnya sebagai Pengerusi;
- (b) ... (...) wakil yang akan dilantik oleh Kerajaan; dan
- (c) seorang (1) wakil yang akan dilantik oleh Kontraktor.

- 31.3 Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian boleh melantik seorang pakar bebas dalam bidang yang berkaitan atau seorang pakar bebas dalam setiap bidang yang berkaitan (jika terdapat lebih daripada satu (1) bidang) untuk menasihatinya ke atas sebarang perkara yang dirujuk kepadanya dan segala kos, yuran dan perbelanjaan pakar bebas yang dilantik itu hendaklah ditanggung secara sama rata oleh Pihak-Pihak.
- 31.4 Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah menentukan prosedur-prosedurnya sendiri. Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah berjumba dan berusaha untuk mencapai penyelesaian secara baik dan aman antara Pihak-Pihak berkenaan dengan apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya.
- 31.5 Apa-apa persetujuan yang dicapai oleh Pihak-Pihak melalui rujukan kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian adalah muktamad dan hendaklah mengikat Pihak-Pihak.
- 31.6 Jika apa-apa perkara, pertikaian atau tuntutan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tidak dapat dipersetujui oleh Pihak-Pihak **tiga puluh (30)** **hari** selepas tarikh rujukan, mana-mana pihak boleh merujuk perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut kepada timbang tara menurut Klausus 32.

32. TIMBANG TARA

- 32.1 Jika apa-apa perkara, pertikaian atau tuntutan yang dirujuk kepada Jawatankuasa di atas tidak dapat diselesaikan secara aman atau baik oleh Pihak-

Pihak maka, hal pertikaian atau tuntutan tersebut boleh dirujuk kepada penimbang tara yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak atau sekiranya tidak ada persetujuan hendaklah dicalonkan atas permohonan oleh salah satu Pihak oleh Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia).

- 32.2 Apa-apa rujukan hendaklah dianggap sebagai suatu rujukan kepada timbang tara mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta Timbang Tara 2005 [Akta 646].
- 32.3 Setiap prosiding timbang tara hendaklah dijalankan di Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia) (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “**Pusat**”) dengan menggunakan kesemua kemudahan dan kelengkapan yang tersedia di pusat tersebut atau mana-mana tempat yang akan ditentukan oleh penimbang tara dan dipersetujui oleh Pihak-Pihak.
- 32.4 Rujukan mengenai apa-apa perkara, pertikaian atau tuntutan kepada timbang tara selaras dengan Klausu ini dan/atau pelanjutan prosiding timbang tara akibat daripadanya hendaklah tanpa menyentuh apa-apa tuntutan oleh Pihak-Pihak terhadap Pihak yang satu lagi mengenai apa-apa perlanggaran terdahulu terhadap mana-mana Klausu atau syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini.
- 32.5 Apa-apa kos berkenaan dengan rujukan kepada penimbang tara di bawah Klausu ini hendaklah ditanggung oleh Pihak yang merujuk kepada penimbang tara.
- 32.6 Keputusan yang diberikan oleh penimbang tara adalah muktamad dan mengikat Pihak-Pihak.

33. PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG

Perjanjian ini hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pihak-Pihak hendaklah tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia.

34. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG

Kontraktor hendaklah mematuhi semua undang-undang yang terpakai dan semua arahan, perintah dan kehendak yang dikeluarkan kepada Kontraktor oleh mana-mana pihak berkuasa yang kompeten untuk berbuat demikian di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai di Malaysia.

35. KEBOLEHASINGAN

Jika mana-mana peruntukan dalam Perjanjian ini didapati menyalahi undang-undang atau tidak sah di bawah mana-mana undang-undang atau peraturan-peraturan yang mempunyai kesan dan terpakai dalam Tempoh Perjanjian ini, peruntukan tersebut hendaklah diasingkan sepenuhnya dan Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan seolah-olah peruntukan yang menyalahi undang-undang atau tidak sah itu tidak pernah terkandung sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini dan peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya dan tidak terkesan oleh peruntukan yang salah atau tidak sah itu atau oleh pemisahan peruntukan itu daripada Perjanjian ini.

36. MAKLUMAT SULIT DAN HARTA INTELEK

36.1 Pihak-Pihak hendaklah sepanjang Tempoh Perjanjian ini dan selepas penamatan atau Tarikh Tamat Perjanjian ini—

- (a) tidak akan menggunakan sebarang maklumat, data dan operasi yang sulit selain daripada untuk tujuan Perjanjian ini; dan
- (b) tidak akan mendedahkan atau menghebahkan atau memaklumkan kepada pihak ketiga atau mana-mana kakitangan yang tidak terlibat

dengan sebarang pelaksanaan berkaitan Maklumat Sulit, kecuali dengan pihak terlibat terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dan dalam keadaan demikian, Pihak-Pihak terlibat perlu memastikan pihak ketiga atau kakitangan mereka bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan Klausu ini.

36.2 Semasa melaksanakan Pembekalan, Kontraktor—

- (a) tidak boleh menggunakan kebenaran yang diberikan kepadanya untuk memberi Pembekalan bagi mendapatkan sesuatu benda, dokumen, suratan atau maklumat rasmi yang berkaitan dengan tugas atau tempat ia ditugaskan;
- (b) tidak boleh mengambil atau memiliki apa-apa benda, dokumen, suratan atau maklumat rasmi yang berkaitan dengan tugas atau tempat di mana ia ditugaskan;
- (c) tidak boleh membantu atau membenarkan seseorang lain memiliki apa-apa benda, dokumen, suratan atau maklumat rasmi yang berkaitan dengan tugas atau tempat di mana ia ditugaskan;
- (d) hendaklah menyerahkan dengan serta-merta kepada Kerajaan jika ia memperoleh atau memiliki sesuatu benda, dokumen, suratan atau maklumat rasmi sama ada dengan menjumpainya atau dengan apa cara sekalipun;
- (e) tidak boleh memiliki sesuatu anak kunci, lencana, alat, acuan, meterai atau cop yang berkaitan dengan tempat di mana Pembekalan, telah, sedang dan akan dibuat; dan

- (f) hendaklah melaporkan dengan segera kepada seorang pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada pangkat Inspektor jika dihampiri oleh seorang yang lain sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan tujuan mendapatkan sesuatu benda, dokumen, suratan atau maklumat rasmi yang berkaitan dengan pejabat atau tempat ia ditugaskan.
- 36.3 Kegagalan Kontraktor atau pekerjanya mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah subklaus 36.1 dan 36.2 terjumlah sebagai suatu kesalahan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*] dan dengan ini akan sentiasa memberikan hak kepada Kerajaan untuk menamatkan Perjanjian ini dan mendapatkan kembali jumlah sebarang kerugian yang timbul akibat daripada penamatan itu daripada Kontraktor.
- 36.4 Pihak-Pihak hendaklah memelihara dan memastikan pegawai, pekhidmat, kakitangan dan subKontraktor, mengikut mana yang berkenaan, juga merahsiakan segala Maklumat Sulit.
- 36.5 Tanggungjawab yang disebutkan dalam Klausus ini hendaklah terus kekal dan berkuat kuasa tanpa mengira penamatan Perjanjian ini.
- 36.6 Kontraktor bersetuju bahawa semua hak harta intelek yang timbul daripada Pembekalan hendaklah terletak hak kepada Kerajaan dan Kontraktor hanya diberi hak untuk melaksanakan Pembekalan sahaja.

37. KERAHSIAAN

- 37.1 Kecuali dengan persetujuan bertulis terdahulu Kerajaan, Kontraktor dan personelnya, pekhidmatnya, ejennya atau pekerjanya tidak boleh pada bila-bila masa mendedahkan kepada mana-mana orang, pertubuhan atau entiti, apa-apa Maklumat Sulit yang dizahirkan kepadanya bagi maksud penyediaan Pembekalan atau yang diketahui olehnya semasa penyediaan dan pelaksanaan

Pembekalan itu, atau Kontraktor atau personelnya, pekhidmatnya, ejennya atau pekerjanya tidak boleh mendedahkan apa-apa maklumat berkenaan dengan syor, penilaian dan pandangan yang dirumuskan semasa atau sebagai hasil penyediaan dan pelaksanaan Pembekalan itu, atau Kontraktor atau personelnya, pekhidmatnya, ejennya atau pekerjanya tidak boleh membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa kenyataan media atau sebaliknya yang berhubungan dengan Pembekalan itu atau menyiarkan atau menyebabkan disiarkan apa-apa bahan yang berhubungan dengan Pembekalan itu.

- 37.2 Klaus ini hendaklah terus berkuat kuasa walaupun penamatan awal atau tamatnya Perjanjian ini.

38. KEJADIAN *FORCE MAJEURE*

- 38.1 Kerajaan atau Kontraktor hendaklah tidak melanggar obligasi masing-masing di bawah Perjanjian ini jika ia tidak dapat melaksanakan atau memenuhi mana-mana obligasinya di bawah Perjanjian ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) akibat daripada berlakunya Kejadian *Force Majeure*. Kejadian *Force Majeure* hendaklah bermaksud suatu peristiwa bukan di bawah kawalan Pihak yang terjejas, yang Pihak itu tidak dapat mencegah, mengelak atau menghindari dan hendaklah bermaksud—
- (a) peperangan (sama ada diisyiharkan atau tidak), permusuhan, serangan, tindakan musuh asing, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan keganasan;
 - (b) radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan buangan nuklear, daripada pembakaran bahan api nuklear, bahan letusan toksik radioaktif, atau sifat-sifat berbahaya yang lain daripada mana-mana bahan letusan, pemasangan nuklear atau komponen nuklear daripadanya;

- (c) tekanan gelombang yang disebabkan oleh kapal terbang atau alat peranti aerial lain yang bergerak dalam kelajuan sonik atau supersonik;
- (d) bencana alam termasuk, tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir, penenggelaman, dan pembakaran spontan bawah tanah atau mana-mana operasi kuasa alam semula jadi, kilat dan cuaca yang sangat buruk;
- (e) rusuhan, kekecohan dan gangguan, kerosakan jenayah, sabotaj, mogok, sekat masuk, kekacauan buruh atau gangguan industri lain (yang menjelaskan pelaksanaan Perjanjian ini) yang bukan merupakan kesalahan Kontraktor atau Kerajaan, yang menyebabkan, atau boleh dengan munasabahnya dijangka menyebabkan, mana-mana Pihak gagal untuk mematuhi obligasinya;
- (f) pandemik atau epidemik; atau
- (g) apa-apa peristiwa yang tidak dapat diramalkan yang memenuhi kriteria sebagaimana yang dinyatakan di bawah:
 - (i) di luar kawalan munasabah Pihak yang terjejas oleh peristiwa itu, keadaan atau gabungan peristiwa atau keadaan;
 - (ii) yang tidak dapat diramalkan atau, jika dapat diramalkan, tidak boleh dihalang atau dielak atau diatasi oleh Pihak yang terjejas yang telah mengambil segala usaha yang wajar dan cermat;
 - (iii) yang secara langsung menyebabkan Pihak yang terjejas tidak berupaya untuk mematuhi semua atau suatu bahagian material obligasinya di bawah Perjanjian ini; dan

- (iv) yang bukan akibat langsung pelanggaran oleh Pihak yang terjejas obligasinya di bawah Perjanjian ini.

DENGAN SYARAT BAHAWA Kejadian *Force Majeure* hendaklah tidak termasuk kemerosotan ekonomi, ketiadaan atau kekurangan dana atau kekurangan pembiayaan di pihak Kontraktor untuk melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini.

- 38.2 Jika Kejadian *Force Majeure* berlaku yang menyebabkan mana-mana Pihak tidak dapat melaksanakan apa-apa obligasinya di bawah Perjanjian ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) yang terjejas akibat daripada Kejadian *Force Majeure* tersebut, Pihak tersebut hendaklah dengan serta-merta memaklumkan akan Kejadian *Force Majeure* tersebut kepada Pihak yang satu lagi dan diikuti dengan butir-butir terperinci mengenai Kejadian *Force Majeure* dan kesannya kepada pelaksanaan Perjanjian ini.
- 38.3 Mana-mana Pihak tidak boleh menggunakan mana-mana peruntukan dalam Klausa ini jika Pihak-Pihak telah memutuskan secara munasabahnya bahawa satu Kejadian *Force Majeure* tidak berlaku.
- 38.4 Pihak-Pihak juga hendaklah membuktikan bahawa Kejadian *Force Majeure* benar-benar berlaku sebelum melepaskan tanggungjawab mengikut subklaus 38.1 di atas.
- 38.5 Jika Perjanjian ini ditamatkan di bawah subklaus 38.1 di atas, semua hak dan obligasi Pihak-Pihak di bawah Perjanjian ini hendaklah terhenti dan mana-mana Pihak tidak boleh membuat apa-apa tuntutan terhadap Pihak yang satu lagi melainkan berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya Kejadian *Force Majeure* tersebut.

38.6 Bagi mengelakkan keraguan, Pihak-Pihak kepada Perjanjian ini hendaklah terus melaksanakan obligasi dan tanggungjawab masing-masing di bawah Perjanjian ini yang tidak terjejas akibat daripada Kejadian *Force Majeure* dan obligasi berkenaan hendaklah terus berkuat kuasa sementara menunggu pelaksanaan Klausu ini.

39. INSURANS

39.1 Am

Kontraktor hendaklah, dengan kosnya sendiri, mengambil dan mengekalkan atau menyebabkan diambil atau dikekalkan insurans semasa Tempoh Perjanjian dengan syarikat insurans tempatan berlesen berdasarkan asas-asas berikut—

- (a) semua polisi risiko bagi nilai penuh perjanjian terhadap semua kelengkapan, barang, bahan dan item lain yang diperlukan bagi pelaksanaan perjanjian ini termasuk perlindungan bagi barang di dalam transit; dan
- (b) polisi terhadap apa-apa liabiliti termasuk liabiliti pihak ketiga bagi setiap kejadian (bilangan kejadian tidak terhad) yang mungkin timbul berkaitan dengan pelaksanaan Pembekalan.

39.2 Insurans Pekerja

Kontraktor hendaklah mengambil dan mengekalkan sepanjang Tempoh Perjanjian, suatu insurans liabiliti Pekerja dan/atau insurans pampasan Pekerja atau sebarang insurans yang terpakai bagi kakitangan, pekhidmat, ejen atau Pekerja sebagaimana yang dikehendaki di bawah undang-undang Malaysia.

39.3 Nama bersama

Sebarang insurans yang diambil oleh Kontraktor menurut Klausa ini hendaklah dibuat di atas kos dan perbelanjaan Kontraktor dan dilaksanakan atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor.

39.4 Salinan

Salinan atau salinan diakui sah semua polisi insurans dan semua sijil pembaharuan dan slip pengesahan berkaitan dengan polisi hendaklah dikemukakan kepada Kerajaan dengan segera setelah penerimaan polisi insurans itu oleh Kontraktor.

39.5 Premium

Kontraktor hendaklah membayar semua premium dan jumlah lain yang perlu dibayar berkenaan dengan mana-mana polisi yang diambil di bawah Klausa ini dengan serta-merta setelah jumlah itu kena dibayar dan hendaklah mengemukakan kepada Kerajaan salinan resit bagi pembayaran tersebut atau bukti pembayaran lain yang memuaskan Kerajaan setelah pengeluaran resit tersebut.

39.6 Maklumat

Kontraktor hendaklah memberikan semua maklumat yang betul, spesifik dan tepat kepada syarikat insurans bagi insurans yang diambil berkenaan apa-apa perkara di mana penyembunyian sebarang maklumat boleh memprejudis atau menjelaskan apa-apa polisi insurans yang diambil di bawah Klausa ini atau pembayaran apa-apa tuntutan insurans.

39.7 Pembatalan

Kontraktor hendaklah memastikan bahawa mana-mana polisi insurans yang diambil hanya boleh dibatalkan oleh syarikat insurans selepas tamat tempoh **tiga puluh (30) hari** dari tarikh penerimaan notis bertulis oleh Kerajaan Persekutuan daripada syarikat insurans yang menasihatkan pembatalan itu.

39.8 Insurans Tidak Boleh Batal

- (a) Kontraktor hendaklah tidak boleh pada bila-bila masa membenarkan atau menyebabkan apa-apa perbuatan, perkara atau benda dilakukan sehingga mengakibatkan apa-apa polisi insurans di bawah perjanjian ini boleh dibatalkan, menjadi tidak sah atau boleh batal, atau yang menyebabkan kadar premium mengenai apa-apa insurans boleh dinaikkan. Dalam keadaan di mana Kerajaan meluluskan apa-apa cadangan Kontraktor untuk menaikkan liputan risiko, Kontraktor hendaklah membayar apa-apa premium tambahan berdasarkan penambahan risiko yang perlu diinsuranskan.
- (b) Sekiranya Kontraktor gagal untuk mengambil atau memperbaharui insurans yang perlu diambil dan dikenakan di bawah perjanjian, Kerajaan boleh mengambil atau memperbaharui insurans tersebut dan berhak untuk menolak sejumlah wang yang bersamaan dengan jumlah premium yang telah dibayar daripada apa-apa wang yang terakru atau akan menjadi terakru kepada Kontraktor di bawah perjanjian **atau mengambil dari Bon Pelaksanaan** atau ia menjadi hutang Kontraktor kepada Kerajaan.

39.9 Kemusnahan

Dalam keadaan di mana terdapat sebarang kerosakan atau kehilangan/ kerugian semasa pelaksanaan perjanjian ini, Kontraktor hendaklah menggunakan wang

insurans yang dituntut dan jika wang insurans itu tidak mencukupi, Kontraktor hendaklah menggunakan wangnya sendiri untuk membaiki, mengganti, mengembalikan dan memulihkan kerosakan atau kerugian itu.

39.10 Insurans untuk Force Majeure

Kontraktor hendaklah memastikan sekiranya munasabah atau dibolehkan, mengambil insurans untuk melindungi sebarang Kejadian *Force Majeure*. Jika berlakunya Kejadian *Force Majeure* dan Perjanjian ini tidak ditamatkan, Kontraktor hendaklah menggunakan hasil insurans tersebut untuk memastikan bahawa Pembekalan dikembalikan ke *status quo*.

40. INDEMNITI

Kerajaan tidak akan menanggung sebarang liabiliti untuk apa-apa ganti rugi atau pampasan kepada sesiapa yang berada dalam penggajian Kontraktor atau sesiapa yang lain mengakibatkan kerosakan kepada harta benda seseorang atau kecederaan, maut atau tidak, atau kerugian yang dihadapi oleh orang sedemikian melainkan kerosakan, kecederaan atau kerugian itu berakibat daripada mana-mana tindakan atau keingkaran Kerajaan, ejen, pekhidmat atau pekerjanya yang mana Kerajaan akan ditafsirkan bertanggungan dari segi undang-undang. Kontraktor hendaklah mengindemnitikan Kerajaan berkaitan dengan tuntutan-tuntutan terhadap Kerajaan bagi kecederaan atau kerugian yang dihadapi oleh orang tersebut dan kerosakan kepada harta benda termasuk harta benda Kerajaan, yang mungkin timbul akibat daripada kecuaian, peninggalan atau keingkaran Kontraktor, ejen, pekhidmat atau pekerjanya atau pihak lain yang diberi kuasa atau sebarang keadaan yang di bawah kawalannya.

41. PENYERAHHAKAN ATAU NOVASI

Kontraktor tidak boleh, tanpa persetujuan bertulis terdahulu Kerajaan, menyerah hak dan manfaatnya atau memindahkan (novasi) semua atau sebahagian hak, manfaat, obligasi dan liabiliti Perjanjian ini kepada pihak ketiga.

42. PEMAJAKAN ATAU KONTRAK KECIL

Kontraktor tidak boleh memajak kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini atau apa-apa perjanjian kecil bagi melaksanakan kesemua atau mana-mana bahagian Perjanjian ini kepada pihak ketiga dengan tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kerajaan.

43. IKATAN KE ATAS PENGGANTI

Perjanjian ini hendaklah mengikat setiap Pihak-Pihak dan pengganti-pengganti hakmilik dan penerima serah hak yang dibenarkan masing-masing.

44. PENEPIAN

Kegagalan mana-mana Pihak untuk menguatkuasakan, pada bila-bila masa, mana-mana peruntukan dalam Perjanjian ini tidak terjumlah kepada penepian hak untuk menguatkuasakan kemungkiran terhadap peruntukan itu atau mana-mana peruntukan dalam Perjanjian ini, atau penepian terhadap apa-apa kemungkiran yang berterusan, selepas atau terkemudian itu bagi peruntukan tersebut atau mana-mana peruntukan lain dalam Perjanjian ini. Apa-apa penepian di bawah Perjanjian ini adalah sah jika ia dibuat secara bertulis.

45. PINDAAN

Tiada ubah suaian atau pindaan kepada mana-mana peruntukan Perjanjian ini berkuat kuasa atau mengikat Pihak-Pihak melainkan jika ia dibuat secara persetujuan bersama dan dibuat secara bertulis melalui perjanjian tambahan

secara khusus merujuk kepada Perjanjian ini dan ditandatangani oleh Pihak-Pihak. Peruntukan berkenaan dengan pindaan atau ubah suaian itu hendaklah sebagai tambahan kepada dan dibaca sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini yang hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya antara Pihak-Pihak.

46. PERUBAHAN DAN MODIFIKASI PEMBEKALAN

Apa-apa perubahan atau modifikasi terhadap Pembekalan hendaklah dibuat dengan persetujuan bertulis Kerajaan dan Kontraktor hendaklah melaksanakan Pembekalan tanpa apa-apa kenaikan harga dan perubahan atau modifikasi itu hendaklah tidak memberikan kesan atau menjelaskan pelaksanaan Pembekalan dan termasuk dari aspek mutu, kualiti dan tempoh masa.

47. JAMINAN LANJUT

Pihak-Pihak hendaklah pada setiap masa dan dari semasa ke semasa melaksanakan semua perbuatan tambahan dan menyempurnakan semua surat ikatan, dokumen dan surat cara yang perlu atau dihasratkan bagi memberi kesan sepenuhnya kepada pelaksanaan terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini.

48. NOTIS

- 48.1 Apa-apa notis, kelulusan, persetujuan, permintaan, keperluan, kebenaran atau komunikasi lain yang diperlukan, diluluskan, dibenarkan atau dijangka untuk diberikan atau dibuat menurut Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris dan disampaikan melalui pos berdaftar atau penyampaian kediri ke alamat atau ke alamat e-mel Pihak-Pihak, mengikut mana-mana yang berkenan, sebagaimana yang dinyatakan di bawah atau ke mana-mana alamat atau alamat e-mel yang lain sebagaimana salah satu

Pihak telah memaklumkan pengirim. Bukti penyampaian notis tersebut hendaklah disifatkan telah disampaikan atau dibuat—

- (a) dalam hal penyampaian melalui pos berdaftar, pada hari ketiga (3) ia dipos ke alamat tersebut;
- (b) dalam hal penyampaian secara kediri, apabila disampaikan kepada penerima di alamat tersebut dan suatu pengakuan terima diperolehi;
- (c) dalam hal e-mel, apabila dihantar tanpa apa-apa mesej kesilapan (*error message*),

Kepada Kerajaan:

Sepertimana yang dinyatakan dalam **Jadual A1** Perjanjian ini.

Kepada Kontraktor:

Sepertimana yang dinyatakan dalam **Jadual A2** Perjanjian ini.

- 48.2 Menjadi kewajipan Pihak-Pihak untuk memaklumkan kepada Pihak yang satu lagi jika berlaku pertukaran alamat atau alamat e-mel dengan memberikan notis bertulis dengan **empat belas (14) hari** dari tarikh pertukaran alamat atau alamat e-mel tersebut.
- 48.3 Bagi mengelakkan keraguan, kaedah penyampaian notis yang ditetap menurut Klausus ini tidaklah terpakai kepada notis yang dikehendaki untuk diberikan menurut mana-mana Undang-Undang yang terpakai yang berhubungan dengan Perjanjian ini.

49. IKLAN

Tiada iklan mengenai Perjanjian ini boleh disiarkan oleh Kontraktor atau dengan kuasa Kontraktor dalam akhbar, majalah atau dalam apa-apa bentuk iklan tanpa kelulusan bertulis oleh Kerajaan terlebih dahulu.

50. KOS DAN DUTI SETEM

Pihak-Pihak hendaklah menanggung sendiri apa-apa kos (termasuk kos guaman) yang berhubungan dengan penyediaan dan penyempurnaan Perjanjian ini, kecuali duti setem Perjanjian ini yang hendaklah ditanggung mengikut Akta Setem 1949 [Akta 378].

51. MASA

Masa, di mana-mana disebut dalam Perjanjian ini hendaklah menjadi intipati di bawah Perjanjian ini.

52. LAMPIRAN-LAMPIRAN

Lampiran-lampiran kepada Perjanjian ini hendaklah menjadi sebahagian daripada dan dibaca bersama dengan Perjanjian ini. Jika terdapat percanggahan antara terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian dengan lampiran-lampiran kepada Perjanjian, terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini hendaklah mengatasinya.

[RUANGAN DI BAWAH SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

PADA MENYAKSIKAN perkara-perkara yang tersebut di atas, Pihak-Pihak sebagai wakil-wakil yang sah dan diberi kuasa kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meterai masing-masing pada tarikh mula-mula yang tertulis di atas.

UNTUK DAN BAGI PIHAK KERAJAAN:

Nama :

Jawatan :

.....
(Tandatangan)

SAKSI:

Nama :

Jawatan :

.....
(Tandatangan)

UNTUK DAN BAGI PIHAK KONTRAKTOR:

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

.....
(Tandatangan)

SAKSI:

Nama :

No. Kad Pengenalan :

.....
(Tandatangan)

SENARAI JADUAL/ LAMPIRAN

JADUAL/ LAMPIRAN	PERKARA	MUKA SURAT
Jadual A1	BUTIRAN KERAJAAN	
Jadual A2	BUTIRAN KONTRAKTOR	
Jadual B	TEMPOH PERJANJIAN, TARIKH BERKUAT KUASA DAN TARIKH TAMAT PERJANJIAN	
Jadual C1	NILAI PERJANJIAN	
Jadual C2	JADUAL HARGA	
Jadual C3	JADUAL PERINCIAN PEMBAYARAN	
Jadual D	AKAUN BANK KONTRAKTOR	
Jadual E	BON PELAKSANAAN	
Jadual F	LOKASI PEMBEKALAN	
Lampiran A	SURAT SETUJU TERIMA	
Lampiran B	SKOP PEMBEKALAN	
Lampiran C	SPESIFIKASI PERKAKASAN DAN/ATAU PERISIAN	
Lampiran D	JADUAL PELAKSANAAN	
Lampiran E	POLISI BON PELAKSANAAN	
Lampiran F	SERVICE LEVEL AGREEMENT (SLA)	
Lampiran G	HAK KERAJAAN	
Lampiran H	PASUKAN PROJEK	
Lampiran I	LATIHAN DAN PROGRAM PEMINDAHAN TEKNOLOGI (TRANSFER OF TECHNOLOGY – TOT)	

Jadual A1
BUTIRAN KERAJAAN

Nama Pihak	
Alamat Pihak	
No. Telefon	
No. Faks	
Alamat e-mel @ website	
Nama pegawai yang boleh dihubungi berkenaan dengan Perjanjian ini	

Jadual A2
BUTIRAN KONTRAKTOR

Nama Kontraktor	
No. Pendaftaran Kontraktor	
Penubuhan Kontraktor (nyatakan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] atau Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197] atau akta lain)	
Alamat pendaftaran Kontraktor	
Alamat perniagaan Kontraktor (jika berbeza dari alamat pendaftaran)	
No. Telefon	
No. Faks	
Alamat e-mel	
Nama pegawai yang boleh dihubungi berkenaan dengan Perjanjian ini	

Nota:

1. Nyatakan dengan perkataan “-TIDAK BERKENAAN-” atau “-TIADA-” jika maklumat dalam ruangan dalam Jadual A adalah tidak berkenaan atau tiada.

2. Masukkan selepas Jadual A2 - Borang Perakuan Pemerbadanan Syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Akuan Pendaftaran daripada Kementerian Kewangan dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

Jadual B
TEMPOH PERJANJIAN, TARIKH BERKUAT KUASA DAN
TARIKH TAMAT PERJANJIAN

BUTIRA	PERKARA	TEMPOH / TARIKH
1.	Tempoh Perjanjian (jumlah dalam bulan)	
2.	Tarikh Berkuat Kuasa	
3.	Tarikh Tamat Perjanjian	

Jadual C1
NILAI PERJANJIAN

KETERANGAN	HARGA DIPERSETUJUI BAGI TEMPOH KONTRAK
Nilai Perjanjian (dalam perkataan)	RINGGIT xxxxxx SAHAJA
Nilai Perjanjian (dalam angka)	RMxxxxxx SAHAJA

Nota : Perkataan “SAHAJA” hendaklah dimasukkan pada akhir Nilai Perjanjian dalam perkataan dan Nilai Perjanjian dalam angka.

**Jadual C2
JADUAL HARGA**

**[JADUAL PEMBAYARAN BAGI PEMBEKALAN PERKAKASAN DAN/ATAU
/PERISIAN DI XXX BAGI TEMPOH XXX (XX) BULAN]**

BI	BULAN	HARGA/ UNIT (RM)	JUMLAH (RM)
JUMLAH KESELURUHAN			000.00

Nota:

1. Nyatakan dengan perkataan “-TIDAK BERKENAAN-” atau “-TIADA-” jika maklumat dalam ruangan dalam Jadual C2 adalah tidak berkenaan atau tiada.
2. Sila tambah sekiranya Nama Bekalan melebihi daripada satu (1) dan isi maklumat dengan lengkap dan tepat.

Jadual C3
JADUAL PERINCIAN PEMBAYARAN

Jadual D
AKAUN BANK KONTRAKTOR

NAMA BANK	XXXX
CAWANGAN	XXXX
NO. AKAUN	XXXX

Nota: Salinan Akaun Bank Kontraktor dilampirkan selepas Jadual D.

Jadual E
BON PELAKSANAAN

Nilai Bon Pelaksanaan (dalam perkataan)	RINGGIT xxx SAHAJA
Nilai Bon Pelaksanaan (dalam angka)	RMxxxx SAHAJA
Peratusan Bon Pelaksanaan dari Nilai Perjanjian <ul style="list-style-type: none"> • Nilai Perjanjian melebihi RM200,000 dan kurang RM500,000 adalah sebanyak 2.5%. • Nilai Perjanjian melebihi RM500,000 adalah sebanyak 5%. • Pembekalan secara kontrak bermasa (<i>periodic contract</i>) yang berkuat kuasa dalam tempoh dua puluh empat (24) bulan atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran Nilai Perjanjian setahun sahaja. 	
Tarikh kuat kuasa bon pelaksanaan	
Tarikh tamat bon pelaksanaan	

Nota :

1. **Perkataan “SAHAJA” hendaklah dimasukkan pada akhir Nilai Bon Pelaksanaan (dalam perkataan) dan (dalam angka).**
2. **Polisi Bon Pelaksanaan hendaklah dilampirkan pada LAMPIRAN E.**

Jadual F
LOKASI PEMBEKALAN

BUTIRAN LOKASI PEMBEKALAN

Alamat : xxx

No Tel: xxxx

No Faks: xxxx

E-mel: xxxx

Lampiran A
SURAT SETUJU TERIMA

Nota :

Sila lampirkan Surat Setuju Terima dalam/selepas helaian ini.

Lampiran B
SKOP PEMBEKALAN

Nota :

Sila lampirkan Skop/Spesifikasi Pembekalan dalam/selepas helaian ini.

Lampiran C
SPESIFIKASI PERKAKASAN DAN/ATAU PERISIAN

Nota :

Sila lampirkan Spesifikasi Perkakasan dan/atau Perisian dalam/selepas helaian ini.

Lampiran D
JADUAL PELAKSANAAN

Nota :

Sila lampirkan Jadual Pelaksanaan Pembekalan dalam/selepas helaian ini.

Lampiran E
POLISI BON PELAKSANAAN

Nota :

Masukkan Polisi Bon Pelaksanaan dalam/selepas helaian ini.

Lampiran F
SERVICE LEVEL AGREEMENT (SLA)

Nota :

Sila masukkan Service Level Agreement (SLA) dalam/selepas helaian ini.

Lampiran G
HAK KERAJAAN

Nota :

Sila masukkan perkara berkenaan Hak Kerajaan dalam/ selepas helaian ini.

Pelanggaran oleh Kontraktor	Hak Kerajaan:
Jika Perkakasan Rosak atau Tidak Menepati Spesifikasi	<p>(a) Menolak Perkakasan tersebut dan memberi notis bertulis ("Notis Permintaan") kepada Kontraktor untuk menggantikan Perkakasan tersebut dengan Perkakasan yang memenuhi spesifikasi yang ditetapkan ("Perkakasan Ganti") dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas menerima notis permintaan itu;</p> <p>(b) Denda sebanyak satu peratus (1%) daripada Nilai Perjanjian pada setiap tujuh (7) hari bekerja kelewatian tetapi tidak melebihi lima peratus (5%) daripada nilai Perkakasan yang dipesan dan ditolak sekiranya tindakan diambil di bawah subklausu (a) atau merampas Bon Pelaksanaan bagi tindakan yang diambil di bawah subklausu (b).</p> <p>(c) Jika Kontraktor telah membekalkan Perkakasan yang rosak atau tidak menepati spesifikasi kepada Kerajaan dan Kerajaan tidak mungkin menolak Perkakasan itu kerana Perkakasan itu telah dipakai atau digunakan sebelum diketahui rosak atau tidak menepati spesifikasinya atau oleh sebab Kerajaan telah terpaksa menerima Perkakasan itu, Kerajaan boleh membuat tuntutan untuk penggantian atau pembaikan Perkakasan atau mendapatkan pampasan daripada Kontraktor mengikut Nilai Perjanjian</p>

	<p>bagi Perkakasan yang rosak atau tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan.</p> <p>(d) Kerajaan berhak untuk menolak apa-apa tuntutan, denda atau pampasan yang dikenakan di bawah Klausu ini daripada apa-apa jumlah pembayaran yang perlu dibayar oleh Kerajaan kepada Kontraktor di bawah Perjanjian ini jika Kerajaan mendapati Kontraktor telah membekalkan Perkakasan yang rosak atau tidak menepati spesifikasi. Jika jumlah wang yang perlu dibayar kepada Kontraktor tidak mencukupi untuk menampung tuntutan, denda atau pampasan yang dikenakan, Kerajaan berhak untuk menuntut baki tuntutan, denda atau pampasan daripada Kontraktor dengan memberi notis tuntutan dan Kontraktor hendaklah membayar kepada Kerajaan jumlah yang dituntut dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh notis yang diberikan oleh Kerajaan.</p>
Jika Perkakasan Bukan Keluaran Semasa, Keluaran Tulen Atau Keluaran Baharu	<p>(a) Menolak Perkakasan tersebut dan memberi notis bertulis meminta Kontraktor menggantikan Perkakasan tersebut dengan Perkakasan yang Keluaran Baharu, Keluaran Tulen atau Keluaran Semasa (“Perkakasan Ganti”) dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas menerima notis permintaan itu; atau</p> <p>(b) Kontraktor hendaklah membayar pampasan kepada Kerajaan melalui pemotongan, tolakan atau pengurangan kepada Nilai Perjanjian. Formula/kiraan:</p> <p>(c) Jika Kerajaan menolak Perkakasan seperti diperuntukkan di bawah subklausu 20.1,</p>

	Kontraktor hendaklah memindahkan Perkakasan tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja daripada tarikh notis bertulis dikeluarkan oleh Kerajaan. Jika Perkakasan tersebut tidak dipindahkan dalam tempoh yang ditetapkan, Kerajaan berhak memindahkan Perkakasan tersebut ke mana-mana tempat yang difikirkan sesuai. Kerajaan juga berhak menuntut semua kos yang berkaitan dengan pemindahan itu dan kos tersebut hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.
Kelewatian Pembekalan, Pemasangan dan Pengujian	Menerima Perkakasan itu dan mengenakan denda mengikut formula yang berikut: $A \times B \times C \times 1\%$ A:kadar peralatan sebulan B: Bilangan hari yang lewat C: Bilangan peralatan
Penyerahan Tidak Memenuhi Kuantiti	Menerima Perkakasan yang dibekalkan dan menuntut daripada Kontraktor pampasan sebanyak minimum lima peratus (5%) daripada Nilai Perjanjian yang tidak dibekalkan
Pembekalan yang dilaksanakan oleh Kontraktor tidak mengikut mana-mana terma dan syarat Perjanjian.	Denda XX% daripada Nilai Perjanjian/Pembekalan
Kontraktor gagal mematuhi <i>Service Level Agreement</i> (SLA) seperti yang dinyatakan dalam Lampiran F Perjanjian ini.	(a) Kerajaan berhak mengenakan denda lewat mengikut keutamaan berdasarkan jadual di bawah:

	Keutamaan	Tempoh Penyelesaian	Denda Lewat Sehari
	Keutamaan 1 (Kritikal)	1 Hari Bekerja	RM XXXX
	Keutamaan 2 (Segera)	3 Hari Bekerja	RM XXXX
	Keutamaan 3 (Penting)	5 Hari Bekerja	RM XXXX
	<p>(b) menolak Pembekalan tersebut dan mendapatkan Pembekalan yang dikehendaki daripada punca-punca lain dengan kos sedia ada akan dibayar kepada pihak lain. Sekiranya terdapat lebihan kos yang perlu dibayar kepada pihak lain, Kontraktor hendaklah menanggung semua kos perbezaan yang terlibat sebagai pampasan kepada Kerajaan; atau</p> <p>menamatkan Perjanjian ini dan merampas Bon Pelaksanaan.</p>		
Berlaku kehilangan atau kerosakan harta Kerajaan di Lokasi Pembekalan yang disebabkan oleh kecuaian, kelalaian atau salah laku Kontraktor atau Pekerja Kontraktor.	Sejumlah penalti yang akan ditentukan oleh Kerajaan kemudian. (Bergantung kepada nilai semasa kerosakan harta benda Kerajaan)		
Kontraktor gagal melaksanakan penyerahan Perkakasan/Perisian.	Kerajaan boleh menamatkan Perjanjian menurut subklause 20.1(d) Perjanjian ini.		

Ulasan UPUU KPWKM dan UPUU JKM

1. Sila masukkan kadar/formula sepertimana yang diperuntukkan dalam SST yang telah disetuju terima oleh Kontraktor.
2. Sebarang perubahan kepada kadar/formula yang diperuntukkan dalam SST hendaklah dilakukan dengan persetujuan Pihak-Pihak.
3. Pelanggaran-pelanggaran dan kadar/formula di atas adalah sebagai contoh sahaja dan agensi boleh menambah apa-apa pelanggaran dan kadar/formula yang sesuai serta selaras dengan SST, kandungan Perjanjian dan sepertimana yang dipersetujui Pihak-Pihak (bagi perkara yang tidak diperuntukkan dalam SST).

Lampiran H
PASUKAN PROJEK

Lampiran I

**LATIHAN DAN PROGRAM PEMINDAHAN TEKNOLOGI
(TRANSFER OF TECHNOLOGY – TOT)**